

Jilid I
Bil. 14



MALAYSIA

Hari Khamis
26hb Oktober, 1978

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

**Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
kepada Ucapan Terima Kasih [Ruangan 1185]**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1186]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 [Ruangan 1212]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1979 [Ruangan 1212]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.**

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**

Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**

„ Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**

„ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**

„ Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**

„ Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**

„ Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**

„ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**

„ Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**

„ Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**

„ Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**

„ Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**

„ Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).

Yang Berhormat DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN OO GIN SUN, A.M.N. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 26hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

PENGUMUMAN TUAN YANG
DI-PERTUATITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI
PADUKA BAGINDA YANG DI-
PERTUAN AGONG KEPADA UCAPAN
TERIMA KASIH

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan membalas surat jawapan yang saya sembahkan kepada Baginda dan ini jawapannya:

“QUALUHUL HAK Waraktul ikhlas watah fatul ajnas iaitu daripada Beta Tuanku Yahaya Putra ibni Almarhum Sultan Ibrahim, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Mudahan-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Rabbul'alamin ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Dato' Syed Nasir bin Ismail, Yang di-Pertua Dewan Rakyat Malaysia, yang ada beristirehat al-khair pada masa ini di bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan.

Wabakdah ehwal Beta memaklumkan kepada Tan Sri bahawa surat Tan Sri bertarikh 19hb Oktober, 1978 kerana menyampaikan ketetapan ucapan terima kasih Majlis Dewan Rakyat Malaysia, kerana Titah Ucapan Beta pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima yang lalu itu telah Beta terima dengan selamatnya. Beta adalah mengucapkan ber-banyak terima kasih jua. Beta meminta kelapangan Tan Sri apalah kiranya Tan Sri menyampaikan terima kasih Beta

kepada sekalian Ahli-ahli Majlis Dewan Rakyat Malaysia kerana membuat ketetapan tersebut, dan jua di atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah ditunjukkan kepada Beta itu akan Beta kandungkan di dalam ingatan Beta selama-lamanya.

Sekianlah sahaja Beta maklumkan serta diiringi dengan salam jua adanya. Termaktub di Istana Negara Kuala Lumpur pada 23hb Oktober, 1978.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

CUTI MINGGUAN

1. Tuan Shaari bin Jusoh minta Perdana Menteri adakah beliau sedar cuti mingguan yang tidak sama di antara sebuah negeri dengan negeri yang lain dan kadang-kadang ini merumitkan perhubungan di antara negeri-negeri itu. Kalau sedar adakah rancangan Kerajaan akan menjadikan cuti mingguan kepada satu hari sahaja kepada semua negeri-negeri di Malaysia. Kalau ada rancangan tersebut hari apakah yang akan ditetapkan dan bila ianya akan dijalankan.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang memang tidak ada persamaan cuti mingguan di beberapa buah negeri dan kadangkala menimbulkan kerumitan perhubungan antara negeri-negeri. Jabatan Perdana Menteri sedang mengkaji dan meneliti perkara ini. Kajian dan penelitian yang mendalam diperlukan memandangkan implikasi-implikasi yang akan timbul kelak. Apabila selesai kajian tersebut perkara ini akan dibawa untuk pertimbangan Kerajaan.

PERSEKOLAHAN WAJIB BAGI KANAK-KANAK

2. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Kerajaan akan mengadakan persekolahan yang wajib bagi setiap kanak-kanak warganegara negeri ini, memandangkan pemberhentian murid-murid dalam lingkungan umur yang begitu rendah, boleh memesongkan fikirannya oleh anasir-anasir komunis di negara ini yang cuba menyemaikan fahaman komunis melalui murid-murid sekolah khususnya melalui dadah dan ganja. Jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Speaker, setakat ini Kerajaan belum bercadang untuk mengadakan persekolahan yang wajib bagi setiap kanak-kanak warganegara negeri ini.

Sungguh pun demikian bagi memastikan semua kanak-kanak warganegara mendapatkan peluang belajar yang cukup, Kerajaan telah mengadakan pelajaran percuma untuk semua kanak-kanak warganegara sehingga ke Tingkatan Tiga (umur lebih kurang 15 tahun).

Kerajaan memang menyedari masalah pemberhentian sekolah murid-murid dalam lingkungan umur yang muda. Oleh itu, Kementerian Pelajaran dan juga lain-lain agensi-agensi Kerajaan telah dan sedang membuka dengan banyaknya pusat-pusat latihan Kemahiran seperti sekolah-sekolah Vokasional, Institiut Kemahiran dan pusat-pusat latihan belia bagi menyediakan pemuda-pemuda untuk mencari pekerjaan.

Tuan Chan Teck Chan: Memandangkan kadar buta huruf di Malaysia adalah tinggi maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sebab-musabab bahawa Kerajaan tidak mahu mengadakan umpamanya sekurang-kurangnya 9 tahun persekolahan yang wajib.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Ahli Yang Berhormat itu, ulangkan pertanyaan itu.

Tuan Chan Teck Chan: Memandangkan kadar buta huruf di Malaysia adalah tinggi maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran memberitahu Dewan ini apakah sebabnya Kerajaan tidak mahu mengadakan umpamanya sekurang-kurangnya 9 tahun persekolahan yang wajib di Malsyia.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya ialah ada banyak Yang pertama oleh kerana keadaan sosio-ekonomi dalam negara kita sekarang ini masih berkembang. Barangkali ada banyak penduduk atau kanak-kanak kita masih berada di-kawasan-kawasan terpencil. Kedua, ialah soal komunikasi dan juga pengangkutan. Yang ketiga sampai hari ini barangkali tidak ada pendaftaran beranak yang mungkin masih tidak penuh lengkap di-daftarkan pendaftaran itu. Oleh sebab itu, Kerajaan sampai hari ini tidak mengadakan pelajaran wajib yang telah dipersoalkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, tetapi seperti saya katakan tadi soal pelajaran di negara kita pada hari ini masih perkembangan dan barangkali di masa akan datang apabila sampai satu masa yang sesuai bila kita fikirkan perlu untuk mewajibkan anak-anak kita bersekolah, kita akan melaksanakannya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kerajaan sedar ramai murid-murid yang berhenti sekolah di peringkat rendah, dapatkah beliau menyatakan bilangan murid-murid yang berhenti sekolah setelah menamatkan pelajaran rendah dan mengapa murid-murid itu tidak dapat menyambung pelajaran ke peringkat menengah?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan yang pertama itu, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri perlu minta notis kerana tidak ada angkanya pada beliau, tetapi bahagian yang kedua bolehlah dijawab.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya boleh memberi sedikit angka untuk menjawab soalan yang pertama, iaitu murid-murid atau kanak-kanak yang cukup umur untuk bersekolah di peringkat rendah, mengikut angka kemasukan sekolah (enrolment) untuk peringkat rendah. . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau bertanya berapa murid-murid yang berhenti dari sekolah.

Dato' Chan Siang Sun: Itu saya tak tahu. Minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Itu yang saya katakan kena minta notis, bukan bilangan kemasukan murid.

Tuan Chan Teck Chan: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri berkata bahawa sebab-sebabnya ialah kerana sosio-ekonomi negara sedang berkembang, tetapi adakah beliau sedar bahawa salah satu cara yang berkesan untuk mengurang atau membasmu kemiskinan adalah dengan mengadakan sekurang-kurangnya 9 tahun persekolahan yang wajib untuk mengatasi kemiskinan baik ekonomi atau pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat berkehendakan pelajaran wajib, tetapi Timbalan Menteri menjawab, belum hendak wajibkan lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Itulah saya katakan tadi adakah beliau sedar? Salah satu cara yang berkesan untuk mengatasi kemiskinan ialah untuk mengadakan jangka masa 9 - 12 tahun persekolahan yang wajib untuk setiap rakyat Malaysia.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah jawab, kita menyedari masalah ini, tetapi apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan pada hari ini ialah Kerajaan sudah memberikan pelajaran percuma selama 9 tahun. Ini suatu faedah yang besar kepada ibu-bapa di tanahair kita ini.

Kedua, Kerajaan juga ada memberikan rancangan pinjaman buku teks dan ini satu galakan juga dan lagi di kawasan luarbandar kita mengadakan rancangan pemakanan untuk memberikan lebih nutrition kepada anak-anak kita, inipun satu galakan juga. Selain dari itu di peringkat sekolah menengah rendah, kita ada berikan biasiswa atau dermasiswa. Ini semua adalah sebagai galakan yang Kerajaan fikir sudah cukup bagi ibu-bapa sekalian menghantar anak-anaknya ke sekolah. Jikalau mengadakan pelajaran wajib semacam soalan Ahli Yang Berhormat itu tadi saya fikir tidak perlu oleh kerana Kerajaan telah mengadakan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada ibu-bapa atau kepada anak-anak murid kita. Dengan itu Kerajaan berfikir sampai hari ini kita sudah memberikan suatu pertolongan atau galakan yang secukupnya untuk masa sekarang ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu sedar bahawa kemudahan-kemudahan yang beliau sebutkan semacam pelajaran percuma dan sekim pinjaman buku

teks dan sekim pemakanan (nutrition) tidak akan menguntungkan murid-murid yang tidak pergi ke sekolah atau tidak pergi ke sekolah untuk tempoh 9 tahun. Masalahnya ialah apakah cara, apakah tindakan Kerajaan akan ambil untuk menolong dan membantu mereka yang tidak pergi ke sekolah untuk tempoh 9 tahun dan tidak boleh menikmati kemudahan-kemudahan yang disebutkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, semuanya ini soal galakan. Bagi pihak Kerajaan kita memang sudah menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan. Ini terpulanglah kepada ibu-bapa sekalian dan juga melalui usaha-usaha Ahli-ahli Yang Berhormat juga bagi memujuk ibu-bapa sekalian menghantar anak-anaknya ke sekolah.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya pihak Kerajaan atau Kementerian Pelajaran sudah menolak idea ini untuk mewajibkan setiap anak-anak selama 9 tahun. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini samada Jawatankuasa Peringkat Kabinet yang ditubuhkan untuk mengkaji semula pelaksanaan dasar pelajaran itu adakah menimbangkan perkara ini dan sudah menolak idea ini atau belum.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu ada mendengar jawapan saya tadi, soalan pokok ialah saya katakan bahawa setakat ini Kerajaan Barisan Nasional belum bercadang untuk mengadakan persekolahan yang wajib. Bagi masa yang akan datang, belum tahu lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Itulah soalan saya.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Soalan tambahan. Mengikut kenyataan Timbalan Menteri tadi mengatakan dasar Kerajaan Barisan Nasional ialah memberi pelajaran percuma sehingga 9 tahun iaitu peringkat menengah rendah. Walaupun begitu masih ramai murid-murid atau pelajar-pelajar yang berhenti setakat peringkat rendah. Dapatkah Timbalan Menteri menyatakan bahawa yang berhenti sekolah di peringkat rendah ini adakah daripada luarbandar kebanyakannya ataupun dalam bandar, dan apakah sebab-sebab mereka itu berhenti, dan kalau tidak

dapat sebab-sebab, adakah Kerajaan bercadang hendak menyasat sebab-sebab pemberhentian mereka itu beramai-ramai?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, sebab-sebabnya itu barangkali ada banyak dan ada berkaitan dengan keadaan sosio-ekonomi dan barangkali kebanyakan mereka itu berada dalam keadaan kemiskinan yang tidak mengizinkan mereka meneruskan persekolahan, tetapi walau bagaimanapun Kerajaan kita sejak beberapa tahun lalu mengadakan satu kajian tentang keciciran murid-murid dan daripada Lapuran Keciciran (Lapuran Murad) itu, kita telahpun mendapat tahu apakah sebab-sebabnya. Jadi dengan lapuran itu, kita telahpun membuat beberapa langkah yang sewajarnya untuk mengatasi masalah itu. Tetapi saya suka menerangkan di sini iaitu sampai hari ini Kerajaan tidak menafikan siapa-siapa pun bila sampai umur bersekolah, kita mestilah mencari tempat untuk mereka belajar. Inilah pendirian Kerajaan.

RUMAH HARGA MURAH

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan :

- (a) adakah beliau sedar terdapat terlalu kurang rumah-rumah harga murah di Wilayah Persekutuan, dengan sebanyak lebih daripada 20,000 permohonan berada di dalam senarai menunggu untuk mendapatkan rumah-rumah ini, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil bagi menentukan bahawa Dewan Bandaraya dan Pemaju-pemaju Persendirian akan membina lebih banyak lagi rumah untuk golongan pendapatan rendah di Wilayah Persekutuan;
- (b) apakah sebab-sebab utama yang dihadapi oleh Dewan Bandaraya kerana kelambatan di dalam membina lebih banyak lagi rumah-rumah bagi golongan berpendapatan rendah dan apakah langkah-langkah yang telah diambil mengatasi kelewatan ini; dan
- (c) adakah Kerajaan akan menimbang menubuhkan sebuah badan atau Jawatankuasa khas yang berotonomi untuk mempercepatkan penubuhan rumah-rumah harga murah di Wilayah Persekutuan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kerajaan memang sedar tentang kekurangan rumah murah di Kuala Lumpur. Oleh itu Kerajaan melalui Dewan Bandaraya sedang mempergiatkan pembinaan rumah-rumah harga murah dan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Dewan Bandaraya merancang untuk membina 17,203 yunit rumah-rumah harga murah. Adalah dijangka pada akhir tahun 1979, sebanyak 9,690 yunit rumah murah akan dibina.

Di samping itu, sebagai langkah menambah bilangan rumah murah melalui sumbangan daripada swasta, Dewan Bandaraya telah mengenakan syarat dalam kelulusan pembangunan supaya pemaju-pemaju perumahan persendirian membina sebanyak sekurang-kurangnya 30% daripada rumah-rumah murah yang akan dibina itu terdiri dari rumah murah di bawah harga \$20,000 sebuah. Di antara tahun 1976 hingga 1978 terdapat 22 pemaju-pemaju perumahan yang telah dikenakan syarat yang sedemikian oleh Dewan Bandaraya. Adalah dijangka sebanyak 16,000 buah yunit rumah di bawah rancangan ini akan dibina dalam masa 5 tahun akan datang. Sementara itu Dewan Bandaraya akan mendirikan lagi sebanyak 30,000 yunit rumah murah dalam Rancangan Malaysia Keempat dan oleh itu adalah dijangka sebanyak 46,000 yunit rumah kesemuanya akan dibina dalam Rancangan Malaysia Keempat itu.

(b) Sebab-sebab utama kelambatan membina rumah-rumah harga murah ialah kesulitan dalam menyediakan tapak-tapak yang sesuai. Dewan Bandaraya seboleholehnya memilih tanah-tanah Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan tetapi kebanyakan tanah-tanah Kerajaan yang ada ialah bekas-bekas lombong ataupun yang telah diduduki oleh setinggan. Lombong-lombong perlu ditimbus dan dipadatkan dan ini akan memakan masa. Demikian juga pemindahan setinggan-setinggan. Untuk mempercepatkan pemindahan setinggan-setinggan ini dan supaya kerja-kerja pembinaan rumah-rumah harga murah dapat dijalankan dengan lebih cepat Dewan Bandaraya sedang membina rumah-rumah panjang sebagai "transit quarters" bagi penempatan sementara setinggan-setinggan itu.

(c) Kerajaan berpendapat adalah tidak perlu ditubuhkan sebuah badan atau jawatan-khusus khas yang berotonomi untuk mempercepatkan pembinaan rumah-rumah harga murah di Wilayah Persekutuan. Kerajaan berpuashati dengan usaha-usaha Dewan Bandaraya untuk mempercepatkan pembinaan rumah-rumah harga murah itu. Dewan Bandaraya telahpun menubuhkan sebuah Jabatan baru iaitu Jabatan Perlaksanaan Projek Khas untuk mempergiatkan lagi rancangan-rancangan pembangunan terutamanya pembinaan rumah-rumah harga murah. Yunit Penyelaras Pembangunan juga adalah ditubuhkan dengan tujuan yang sama.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebentar tadi bahawa satu daripada sebab kelewatan pembinaan rumah murah ini ialah tanah-tanah lombong yang mana terpaksa dikambus. Saya suka hendak bertanya samada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa syarat-syarat pajak-galian yang diberi kepada syarikat-syarikat ialah bahawa selepas mereka sudah selesai melombong syarikat itu hendaklah menimbus balik lobang-lobang yang menjadi tempat mereka melombong. Saya hendak bertanya samada syarikat-syarikat yang berkenaan ini tidak mematuhi syarat yang telahpun dikenakan oleh Kerajaan di dalam pajak-galian mereka itu.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang syarat itu tetapi pada waktu ini tidaklah dapat saya beritahu samada berapa syarikat yang patuh atau tidak patuh kepada syarat-syarat itu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya tidak habis lagi oleh kerana ia mengambil masa untuk menutup dan memadatkan tanah itu. Itu barangkali maksud soalan Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

Soalan tambahan yang lain itu adakah soalan tadi juga?

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Bersambung daripada apa yang diberi jawapan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Kalau Yang Berhormat sedar ada syarikat-syarikat yang telah tidak memenuhi syarat menimbus lobang-lobang itu; saya suka bertanya samada Yang Berhormat bercadang hendak mengambil tindakan samada penalti yang bagaimana untuk mereka menimbus lobang-lobang itu supaya dengan cara itu mengurangkan kos pembinaan. Sekiranya Kerajaan yang terpaksa menimbus lobang-lobang itu maka itu akan menambahkan kos pembinaan selain daripada melewatkan pembinaan rumah-rumah itu.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengatakan bahawa saya sedar adanya syarikat yang tidak mematuhi syarat itu, apa yang saya katakan bahawa saya sedar yang syarat itu ada, tetapi untuk mengatakan siapa yang mengikut dan yang tidak mengikut syarat ini, itu perlu tempoh.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada Setiausaha Parlimen sedar sumbangan daripada pihak swasta terhadap pembangunan rumah-rumah pangsa di Wilayah adakah atau tidak memuaskan dan saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang Kerajaan hendak ambil untuk memperolehi kerjasama yang lebih efektif daripada pihak swasta untuk membina lebih banyak rumah-rumah pangsa di Kuala Lumpur.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Sebagaimana yang telah saya katakan tadi bahawasanya Dewan Bandaraya dan Kerajaan memang sedar pihak swasta boleh membuat sumbangan ke arah menambahkan bilangan rumah murah terutamanya yang diperlukan oleh rakyat. Oleh sebab itu, maka syarat telah dikenakan kepada pihak-pihak pemaju perumahan yang hendak meminta kelulusan pembinaan supaya 30% rumah-rumah yang hendak diadakan itu mesilah rumah murah yang harganya \$20,000 ke bawah dan untuk mengenakan syarat itu pihak Bandaraya telah menemui pihak-pihak pemaju perumahan dan berbincang dengan mereka dan memberitahu atas perlunya syarat ini dikenakan dan mengapakah syarat ini patut dipatuhi oleh pemaju-pemaju.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen beritahu Dewan ini berapa pemohon rumah murah daripada tahun 1972, berapa

banyak rumah yang telah dibina oleh Dewan Bandaraya sampai sekarang. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang membuat rumah yang mencukupi bagi memenuhi pemohon-pemohon di Wilayah Persekutuan sehingga sekarang. Soalan yang kedua, Rancangan Malaysia Ketiga belum habis dilaksanakan sehingga tahun 1980, dalam Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini adakah Kerajaan bercadang hendak membuat rumah lagi pada tahun hadapan dalam Bandaraya.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan pertama bukanlah soalan tambahan dan berkehendakan notis, Yang kedua pun dalam jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu pun ada juga, tetapi kalau hendak menambah silakan.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Sebenarnya saya tidak beritahu tentang perkara ini. Memang ada cadangan daripada pihak Bandaraya dan Kerajaan untuk menambahkan lagi pembinaan rumah murah sehingga pada tahun akhir Rancangan Malaysia Ketiga bilangan-nya akan menjadi sebanyak 19,423 iaitu ditambah sebanyak 2,220 kepada angka 17,203 dan inilah yang sedang dirancang dan kita harap target sebanyak 19,423 itu dapat dicapai.

Tuan Lee Lam Thye: Memandangkan bahawa Dewan Bandaraya akan membina lebih banyak rumah-rumah kos rendah pada masa yang akan datang, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen adakah Dewan Bandaraya bercadang untuk mengadakan satu sistem yang adil untuk menentukan bahawa rumah-rumah kos rendah ini hanya diperuntukkan kepada orang-orang yang layak. Kalau sekiranya Dewan Bandaraya ada rancangan atau cadangan berbuat demikian, bolehkah Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini sedikit keterangan atas dasar ini.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada hemat Bandaraya—Kementerian Wilayah Persekutuan, rancangan yang dijalankan, sekim yang dijalankan adalah adil. Saya tidak tahulah apa pendapat Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tentang sekim yang lebih adil daripada itu, pada pendapat kita memang adil dan suka-lah saya memberi tahu Dewan ini bahawa

dari rumah-rumah yang telah diperuntukkan selama ini 65% daripadanya adalah untuk setinggan-setinggan dan saya percaya Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar akan bersetuju dengan saya bahawa setinggan-setinggan itu adalah orang-orang yang sangat memerlukan rumah.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyebutkan bahawa pemaju-pemaju rumah telah dikenakan syarat untuk membina rumah di bawah harga \$20,000 adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen itu sedar bahawa harga \$20,000 itu tidak boleh dimampui oleh pekerja-pekerja yang bergaji \$300 ke bawah seperti driver-driver dan pekerja-pekerja biasa. Jadi bagaimana mereka ini boleh mampu membeli rumah-rumah yang dibuat oleh pemaju-pemaju rumah tadi?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, harga \$20,000 itu bukan bermakna bahawa semua rumah yang dibuat itu mestilah berharga \$20,000; ada rumah yang lebih murah daripada \$20,000. Tetapi kalaulah difahamkan dengan statement yang telah saya buat tadi iaitu 30% itu ialah harga \$20,000 ke bawah, ertinya boleh jadi ada yang berharga \$20,000 ataupun boleh jadi ada yang berharga \$18,000 ataupun \$17,000 ataupun \$15,000 mengikut harga binaan dan harga kos untuk mendirikan rumah-rumah yang berkenaan tetapi jelas dalam hal ini kita berkehendakan rumah murah yang harganya tidak lebih daripada \$20,000 dalam lain-lain perkataan.

Tuan V. David: Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu berapa buah rumah Kementerian Wilayah Persekutuan akan membina dalam bandar Kuala Lumpur bagi tahun 1979? Sebab saya difahamkan ada beribu-ribu permohonan rumah murah tetapi sampai hari ini tidak dapat satu jawapan. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jaminan di Dewan ini iaitu pada tahun 1979 rumah-rumah yang dibina adalah mencukupi untuk menerima permohonan-permohonan daripada bandar Kuala Lumpur.

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menjamin bahawa tiap-tiap orang yang memohon rumah itu akan mendapat rumah. Yang kita boleh

jamin ialah kita hendak mengadakan sebanyak rumah yang kita dapat dan kita terdaya iaitu rumah murah untuk penduduk-penduduk di Kuala Lumpur ini dan rumah-rumah itu akan dibagikan berasaskan kepada permintaan-permintaan yang dikemukakan dan berasaskan kepada kelayakan mereka untuk membeli, untuk menyewa rumah-rumah yang telah kita bina itu.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada menyatakan bahawa bagi membolehkan mereka yang berpendapatan rendah membeli rumah murah maka bilangan rumah itu berharga \$20,000 ke bawah akan dibanyakkan lagi. Saya hendak bertanya samada bagi membolehkan mereka yang berpendapatan rendah ini memiliki rumah-rumah ini, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bercadang untuk hendak menghapuskan bayaran deposit supaya pembeli rumah itu tidak dikenakan deposit iaitu dibayar ansuran sahaja, tidak ada apa-apa deposit ataupun wang pokok, adakah cadangan hendak berbuat demikian?

Tuan Abdullah bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya belum ada cadangan yang seumpama itu.

PROJEK PEMBANGUNAN DI MELAKA

4. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Kementerianya akan memberikan satu pinjaman sebanyak \$10 juta sebagai kumpulanwang pembangunan kecemasan untuk Majlis-majlis Daerah Luar Bandar Jasin dan Alor Gajah serta Majlis Perbandaran Melaka Tengah di Melaka supaya projek-projek pembangunan socio-ekonomi yang mustahak dapat dilaksanakan di Melaka, terutamanya membina beberapa blok bangunan letak kereta bertingkat-tingkat dan membina jejambat serta mengadakan sebatang lebuh raya untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas di Kota Melaka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya tidak akan memberikan satu pinjaman sebanyak

\$10 juta sebagai kumpulanwang pembangunan kecemasan khas untuk Majlis-majlis Daerah Jasin dan Alor Gajah serta Majlis Perbandaran Melaka Tengah sepertimana yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah dan akan memberi Bantuan Kewangan dalam bentuk Geran Pelancaran, Geran Tahunan, Geran-geran Pembangunan dan Pinjaman kepada ketiga-tiga Penguasa Tempatan tersebut di Negeri Melaka selaras dengan dasar Kerajaan Persekutuan untuk memberi tekanan kepada Negeri-negeri yang dianggap sebagai negeri-negeri yang kurang maju di mana Negeri Melaka telah dimasukkan dalam senarai itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telah bersetuju untuk memberi kepada Kerajaan Negeri Melaka peruntukan sebanyak \$5,123,106.04 dalam bentuk Geran Pelancaran kepada ketiga-tiga Penguasa Tempatan tersebut. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian saya telahpun memberikan peruntukan sebanyak \$1,441,760.00 dari jumlah besar tersebut kepada ketiga-tiga Penguasa Tempatan tersebut di Negeri Melaka dalam tahun ini. Geran Pelancaran ini ialah untuk membeli alat-alat kelengkapan dan menyiapkan projek-projek socio-ekonomi.

Di samping Geran Pelancaran itu, Kementerian saya juga telah dan akan memberi Bantuan Kewangan Tahunan sebanyak \$322,5000.00 kepada ketiga-tiga penguasa tempatan tersebut pada tiap-tiap tahun. Bantuan Kewangan Tahunan ini boleh digunakan untuk projek-projek socio-ekonomi.

Kementerian saya akan juga memberikan peruntukan sebanyak \$133,500.00 kepada Majlis Perbandaran Melaka Tengah dan Majlis Daerah Alor Gajah untuk membina pasar dan gerai-gerai.

Dari maklumat-maklumat ini, saya berasa Ahli Yang Berhormat memang akan bersetuju dengan pendapat saya, iaitu satu kumpulanwang pembangunan kecemasan khas untuk ketiga-tiga Penguasa Tempatan di Negeri Melaka tidak perlu diadakan memandangkan bahawa semua projek pembangunan socio-ekonomi yang dimaksudkan Yang Berhormat telahpun dipenuhi melalui cara-cara bantuan kewangan seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya telah mengemukakan cadangan-cadangan projek untuk pembinaan parit-parit di ketiga-tiga Penguasa Tempatan di Negeri Melaka yang berjumlah sebanyak \$623,400 kepada Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara untuk kelulusan. Di samping itu Kementerian saya juga meminta bagi pihak ketiga-tiga Penguasa Tempatan tersebut peruntukan sebanyak \$3,900,000 di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga ini. Dari jumlah \$3,900,000 itu peruntukan sebanyak \$1,000,950 ialah untuk Majlis Perbandaran Melaka Tengah bagi pembinaan bangunan letak kereta dan sebanyak \$150,000 adalah untuk membina jambatan melintasi Jalan Hang Tuah di Melaka. Bakinya sebanyak \$1,800,000 ialah bagi Majlis Perbandaran Melaka Tengah, Majlis Daerah Jasin dan Majlis Daerah Alor Gajah untuk pembinaan pasar-pasar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka selanjutnya semua peruntukan yang diminta di bawah Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga itu adalah masih di dalam pertimbangan Jawatankuasa Perancangan Pembangunan Negara.

Akhir sekali Jabatan Kerjaraya telahpun menjalankan satu kajian lalulintas di kawasan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan telah mendapati bahawa kesesakan lalulintas adalah disebabkan oleh kenderaan tempatan dan bukan oleh kenderaan-kenderaan yang datang ke Melaka dari kawasan luar Melaka. Oleh yang demikian, pembinaan jambatan dan jalanraya seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak timbul pada masa ini. Walau bagaimanapun Kerajaan Persekutuan akan menjalankan satu sekim lalulintas yang lebih sempurna iaitu traffic dispersal system di dalam kawasan Penguasa Tempatan apabila keadaan memerlukannya.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kerana Majlis-majlis Tempatan khasnya dari kawasan luarbandar dan juga serta di Melaka Tengah, kerana mereka menghadapi kekurangan wang untuk membangunkan projek-projek sosio-ekonomi maka terpaksa Majlis-majlis Tempatan menjalankan projek-projeknya melalui pinjaman dari bank perniagaan?

Tuan S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi. Apa yang saya jelaskan tadi ialah tidak ada pemberian peruntukan khas bagi tiap-tiap negeri. Tiap-tiap negeri termasuk negeri Melaka adalah diambil kira dalam keseluruhan projek-projek pembangunan negara. Walaupun Kerajaan Pusat menimbangkan projek-projek yang dikehendaki bagi negeri-negeri, pemberian peruntukan tiap-tiap projek adalah ditimbangkan atas merit sendiri. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga yang saya sebutkan tadi negeri Melaka telah diberi pertimbangan yang sama seperti negeri-negeri yang lain tetapi sepertimana yang saya telah terangkan pemberian peruntukan akan bertanggungjawab kepada merit tiap-tiap projek. Walau bagaimanapun Kerajaan dan Kementerian saya ada juga memberi pertimbangan apabila masa kita mendapat rayuan daripada tiap-tiap Penguasa Tempatan.

PERUNTUKAN KAMPUNG-KAMPUNG BARU

5. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sejak tahun 1970 hingga tahun 1978, berapa jumlah perbelanjaan pembangunan telah diperuntukkan kepada kampung-kampung baru yang ada di negara kita, setiap tahun bagi setiap negeri serta bilangan kampung baru yang ada sekarang dan apakah rancangan-rancangan pembangunan sosio-ekonomi yang telah diadakan untuk memodenkan kampung-kampung baru ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Khas bagi mengendalikan peruntukan pembangunan di kampung-kampung baru ditubuhkan pada tahun 1973 dan ianya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, saya tidak dapat memberitahu jumlah peruntukan yang dibelanjakan sebelum tahun 1973.

Semenjak tahun 1973 hingga 1978 Kementerian saya telah mengeluarkan peruntukan sejumlah \$22,086,429 kepada kampung-kampung baru. Jumlah peruntukan bagi tiap-tiap negeri semenjak tahun 1973 adalah seperti berikut

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau panjang sangat mengenai soalan-soalan yang seumpama ini, akan datang saya tidak akan benarkan untuk soal Jawab-Mulut tetapi jawapan diberi dengan cara bertulis. Sebab, ini akan mengambil masa terlalu panjang bagi waktu satu jam yang patut kita hargai. Dan tiap-tiap satu jawapan itu dihantar dengan bertulis.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Saya telah jelaskan tadi iaitu daripada tahun 1973 hingga 1978 peruntukan sejumlah \$22,086,429.

Bilangan kampung-kampung baru yang ada sekarang ialah 465 buah.

Mengenai rancangan-ancangan pembangunan sosio-ekonomi untuk memodenkan 465 kampung-kampung baru itu saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat yang berkenaan bahawa selain daripada rancangan-ancangan pembangunan yang dijalankan oleh Kementerian saya, Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebajikan Am, Jabatan Kerjaraya (Public Works), Jabatan Parit dan Taliair (Drainage), Kementerian Pertanian dan sebagainya ada mempunyai rancangan-ancangan masing-masing bagi memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk di kampung-kampung baru.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Mengikut angka-angka yang diberi bahawa dalam 5 tahun antara 1973 ke 1978, belanja untuk kampung-kampung baru ialah \$22 juta ertinya ialah lebih kurang \$4 juta untuk satu tahun atau kalau didivide oleh 450 buah kampung-kampung baru, sebuah kampung baru yang ada dapat \$40,000 satu tahun. Adakah Kementerian berkenaan sedar bahawa peruntukan \$40,000 satu tahun untuk sebuah kampung baru untuk memodenkan kampung baru itu seperti jalan dan lain-lain kemudahan sangat kecil? Adakah dalam kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian berkenaan ada tujuan untuk menambah peruntukan yang lebih besar supaya perkara memodenkan kampung-kampung baru boleh dijalankan dengan cepat?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah jelaskan tadi iaitu peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak \$22 juta ini adalah masalah felt needs. Jadi di tempat-tempat yang boleh dikatakan kita beri tidak boleh dibuat

average begitu, diberi di mana tempat yang memerlukan bagi rancangan-ancangan. Walau bagaimanapun Kementerian saya telah ada sebuah Jawatankuasa yang mengkaji 12 buah kampung baru dan 8 buah kampung tradisional yang mana kampung-kampung ini telah dibahagikan pula dan kajian ini dibahagikan satu kampung mundur, satu kampung separuh mundur dan satu lagi kampung yang berjaya. Ini dasarnya yang telah kita susun begitu rupa bagi membelanjakan peruntukan yang telah disediakan ini.

Mengenai dengan kajian semula itu sememang dalam kajian semula mengikut keperluan, bukan sahaja di kampung-kampung baru tetapi di kampung-kampung tradisional juga yang mana perlu diberi peruntukan-peruntukan bukan 1-4 ribu ringgit tetapi mengikut self-needs yang dikehendaki oleh rakyat di kampung baru dan di kampung tradisional.

Tuan Chan Teck Chan: Saya yakin tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri mengetahui bahawa salah satu masalah yang serius yang dihadapi oleh penduduk-penduduk kampung-kampung baru ialah kekurangan tanah. Adakah pihak Kementerian Yang Berhormat akan mengadakan satu siri perundingan dengan tiap-tiap Kerajaan Negeri, supaya tanah-tanah di sekeliling kampung baru ini keutamaannya boleh diberikan kepada penduduk-penduduk yang tinggal di kampung baru supaya masalah sosio-ekonomi mereka boleh diatasi?

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan ada \$22 juta diperuntukkan selama 5 tahun untuk kawasan-kawasan kampung baru. Saya hendak bertanya apakah pula bantuan yang diberi oleh Kementerian Yang Berhormat itu terhadap kampung-kampung yang tidak begitu baru?

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apakah sebenarnya istilah kampung baru ini, misalnya kalau sebuah kampung dinamakan kampung baru, ditubuhkan dalam kawasan saya misalnya, adakah itu juga termasuk dalam istilah kampung baru yang boleh menerima bantuan daripada Kementerian Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama itu tidak perlu dijawab. Sudah ada jawapannya—yang bukan kampung baru pun diberi peruntukan, maknanya kampung-kampung tradisional semua? Sila!

Dato' Haji Ramli bin Omar: Kampung-kampung baru ini adalah kampung-kampung yang digezet di masa darurat dahulu daripada tahun 1948 sehingga tahun 1961. Kampung-kampung baru yang dibuat kampung baru itu tidak termasuk, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Itu soal bahagian yang kedua. Bahagian yang pertama ialah berapa yang telah dibelanjakan bagi kampung-kampung yang bukan kampung baru. Itu yang saya kata tidak perlu dijawab, berkehendakan notis; tetapi Yang Berhormat hendak menjawab juga!

Dato' Haji Ramli bin Omar: Bilangan kampung itu boleh diberi iaitu kampung-kampung . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu bertanya berapa belanja dibandingkan dengan \$22 juta tadi.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Itu saya minta notis.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah yang saya kata, saya sudah capak, tetapi hendak dijawab juga.

KEKURANGAN MINYAK DIESEL

6. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan :

- (a) adakah benar bahawa minyak diesel kurang bekalannya sehinggakan di hampir kesemua stesyen-stesyen minyak di Sabah, minyak diesel sabankali tiada kedapatan. Tuan punya stesyen-stesyen tersebut mendakwa bahawa minyak diesel tiada dan kadangkala mereka mengatakan bahawa minyak tersebut telah habis dijual; dan
- (b) adakah Kerajaan akan mengatasi tindak-tanduk kotor dalam perniagaan ini supaya bekalan minyak diesel dalam negeri Sabah akan sentiasa mencukupi untuk semua pihak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan (a) adalah seperti berikut:

- (a) Minyak Diesel di Sabah yang dibekalkan oleh Syarikat-syarikat Minyak adalah mencukupi untuk menampung kesemua bentuk penggunaan; dan ini termasuklah juga Minyak Diesel yang dibekalkan oleh Syarikat-syarikat Pembekal kepada Stesyen-stesyen Minyak. Data Minyak Diesel yang dibekalkan kepada Stesyen-stesyen Minyak untuk jualan runcit bagi 8 bulan pertama tahun 1978 adalah seperti berikut:

Januari	621,355	gelen
Februari	531,392	"
Mac	625,001	"
April	596,065	"
Mei	677,860	"
Jun	651,905	"
Julai	653,085	"
Ogos	655,080	"

Kenyataan bahawa bekalan kepada Stesyen-stesyen Minyak di Sabah adalah kurang dan ini menyebabkan sehingga hampir kesemua Stesyen-stesyen Minyak di sana sering tidak kedapatan Minyak Diesel adalah tidak benar.

Walaupun bekalan diesel mencukupi untuk kegunaan pengguna-pengguna, kekurangan di Stesyen-stesyen Minyak berlaku oleh kerana :

- (i) Beberapa industri kecil membeli Minyak Diesel untuk kegunaan biasa (domestic use) sehingga bekalan tempatan menjadi kurang. Harga jualan diesel secara runcit bagi kegunaan biasa oleh Stesyen-stesyen Minyak di Sabah adalah di antara \$1.26 sehingga \$1.44 sen segelen mengikut keadaan tempatan, manakala harga jualan bagi kegunaan industri adalah di antara \$1.39 sehingga \$1.60 sen segelen mengikut keadaan tempatan.
- (ii) Lapuran di atas kekurangan minyak dalam akhbar-akhbar biasanya menyebabkan orang ramai membeli lebih daripada keperluan semasa kerana takut berlaku kekurangan; dan
- (iii) Bekalan kepada Stesyen-stesyen Minyak dibuat beberapa hari sekali dan dengan berlakunya pembelian yang

lebih, ini menyebabkan bekalan habis terlalu awal dan penghantaran bekalan tambahan mengambil masa untuk dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan (b) jawapannya adalah seperti berikut:

- (b) Setiap Stesyen Minyak yang menjual Minyak Diesel adalah dilesenkan di bawah Peraturan Kawalan Bekalan 1974 yang mana beberapa syarat tertentu telah dikenakan dan di antara lain pelesen-pelesen hendaklah menjual minyak kepada semua pengguna yang memerlu-kannya dan menentukan bahawa bekalan di stesyen masing-masing sentiasa ada. Begitu juga Syarikat-syarikat Pembekal dikenakan syarat yang mereka hendaklah membekalkan Minyak Diesel apabila permintaan diperbuat. Perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mungkin juga berlaku; tetapi apa yang perlu diperbuat adalah untuk melapurkan dengan segera kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di mana perkara ini berlaku. Tindakan sewajarnya telahpun diambil terhadap 3 buah Stesyen Minyak di Sabah kerana enggan menjual diesel kepada pengguna-pengguna. Ini dapat dilakukan kerana aduan segera diperbuat kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa. Sebaliknya pula, Stesyen-stesyen Minyak yang tidak mendapat bekalan hendaklah juga melapurkan kepada pegawai-pegawai berkenaan supaya tindakan yang tegas dan sewajar boleh diambil.

Dr Hee Tien Lai: Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa walaupun pada tahun lepas saya telah membangkitkan perkara kekurangan diesel di daerah Batu Pahat dan pihak Kementerian telah menjawab bahawa pihak Kementerian akan mengambil tindakan yang tegas dan positif untuk mengatasi masalah itu, tetapi malangnya keadaan itu serupa juga, tidak ada diesel.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan asalnya berkenaan dengan Sabah; Semenanjung Malaysia semalam sudah dibincang. Hendak jawab juga Yang Berhormat?

Tuan Abu Hassan bin Haji Omar: Itu soalan lain, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah diesel di Semenanjung Malaysia telah dibincangkan dengan panjang lebar pada 24hb Oktober 1978, saya tidak berhajat menjawab soalan yang Berhormat itu.

PEMOHON-PEMOHON TELEFON

7. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) jumlah telefon-telefon yang telah dipasang setakat ini dalam Negeri Sabah;
- (b) bilangan permohonan-permohonan untuk mendapatkan telefon yang telah diterima oleh Jabatan Telekom Negeri Sabah dalam tahun 1976 dan 1977 dan bilangan permohonan yang sedang menunggu kelulusannya; dan
- (c) apakah langkah-langkah yang dijalankan untuk menyediakan telefon di kawasan-kawasan Bingkor, Apin-Apin dan Nabawan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah yang telah dipasang sehingga 31-8-78 di Sabah adalah seperti berikut:
- | | |
|---|--------|
| (i) Talian terus (Direct Exchange) | 16,981 |
| (ii) Bilangan telefon | 28,926 |
- (b) Jumlah bilangan permohonan:
- | | |
|-------------|-------|
| 1976 | 3,449 |
| 1977 | 3,225 |

Jumlah permohonan yang sedang menunggu kelulusan sekarang ini: 7,765

- (c) Jawapan yang sama telahpun diberi kepada Ahli Yang Berhormat pada tahun sudah dan keadaannya masih lagi tidak berubah seperti berikut:

Keadaan sekarang ialah di kawasan Bingkor dan Apin-Apin, Pejabat Telekom Sabah telahpun memberitahu kepada para pemohon kadar bayaran sewa telefon yang mungkin akan dikenakan. Sewa tersebut adalah tinggi daripada kadar biasa oleh sebab pekan Bingkor dan Apin-Apin jauh daripada ibusawat Keningau iaitu ibusawat yang

terdekat sekali. Bingkor adalah 8 batu dan Apin-Apin adalah 12 batu daripada Keningau.

Setakat ini Pejabat Telekom Sabah belum lagi menerima pengakuan daripada pemohon-pemohon samada mereka sanggup membayar sewa yang dicadangkan itu.

Berkenaan dengan perkhidmatan telefon di Nabawan saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkhidmatan telefon hanya dapat diberikan melalui sistem "Radio Call Service" sahaja. Ini ialah suatu sistem telefon yang menggunakan "high frequency radio" dan pelanggan-pelanggan Radio Call Service ini boleh berhubung dengan ibusawat yang tertentu untuk disambungkan kepada mana-mana pelanggan telefon yang dikehendaki. Walau bagaimanapun pelanggan Radio Call Service itu perlu membeli sendiri alat sistem Radio yang mereka perlu.

KEKURANGAN DOKTOR-DOKTOR DI SABAH

8. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar terdapat kekurangan doktor-doktor, pakar-pakar pembedahan dan ubat di Hospital Duchess of Kent di Sandakan dan nyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan terdapat sebuah hospital moden dengan perkhidmatan perubatan dan hospital yang cekap dan "up-to-date" untuk penduduk-penduduk di Sandakan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa terdapat kekurangan doktor-doktor dalam perkhidmatan Kerajaan bukan hanya negeri Sabah bahkan di seluruh Malaysia. Dengan tamatnya latihan 9 orang doktor-doktor pelatih pada bulan Julai/Ogos tahun ini di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu dua di antara mereka telah ditempatkan di Hospital Duchess of Kent di Sandakan dan ini telah menambahkan jumlah bilangan Pegawai-pegawai Perubatan daripada 5 orang dalam awal bulan Julai kepada 7 orang. Dengan pengambilan lebih doktor-doktor maka keadaan ini akan bertambah baik.

Mengenai pakar-pakar pembedahan pula, didapati kerja-kerja pembedahan adalah dijalankan sekarang oleh Pakar-pakar Pembedahan yang ditempatkan di Hospital Queen Elizabeth. Kementerian Kesihatan sedar bahawa aturan ini bukan begitu memuaskan. Akan tetapi keadaan ini tidak akan dapat dielakkan oleh sebab kekurangan Pakar-pakar Pembedahan dan juga beban kerja yang banyak di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu.

Kementerian Kesihatan adalah di dalam proses pengambilan seorang Pakar Pembedahan yang pada masa ini berada di United Kingdom. Beliau dijangka akan kembali pada akhir bulan November tahun ini. Beliau akan ditempatkan untuk bertugas di Sandakan mulai 1hb Januari, 1979.

Hospital Duchess of Kent dibekal dengan ubat-ubat yang mencukupi. Walau bagaimanapun kadangkala terdapat kekurangan sesuatu jenis ubat yang tertentu kerana kegunaan yang berlebihan oleh seseorang doktor. Kekurangan ubat yang sementara ini akan dapat diatasi dengan permohonan melalui telefon dan ubat-ubat itu boleh dihantar dengan pengangkutan udara.

Langkah-langkah sedang diambil untuk memodenkan kemudahan-kemudahan perubatan di hospital bukan sahaja untuk penduduk di Sandakan malahan penduduk Sabah keseluruhannya. Bagi Hospital Sandakan beberapa usaha telah diambil seperti berikut:

Kerja-kerja telah dijalankan untuk meluaskan dan membarui hospital ini di mana kerja-kerja tersebut telahpun siap di akhir tahun lalu. 64 buah katil tambahan telah digunakan pada awal tahun ini. Jumlah belanja bagi kerja-kerja ini ialah sebanyak \$1.5 juta termasuk \$200,000 bagi peralatan. Wad Kelas I yang baru sahaja dibuka pada awal bulan ini.

Kementerian Kesihatan baru-baru ini telah mengeluarkan tender bagi pembinaan sebuah Wad Bersalin yang baharu. Kerja-kerja dijangka akan bermula tidak berapa lama lagi dan ianya akan memakan belanja sebanyak \$1.2 juta untuk pembinaan dan sebanyak \$300,000 untuk peralatan. Wad ini akan mempunyai tambahan sebanyak 100 buah katil lagi.

Jabatan Pesakit Luar dan Gudang Ubat (Pharmacy) akan diperbesarkan bagi mengurangkan kesesakan dan ini akan memakan belanja sebanyak \$15,000. Peruntukan ini telahpun diberi kepada Jabatan Kerajaan Negeri Sabah.

Kementerian Kesihatan juga telah merancang sebuah blok Jabatan Pesakit Luar yang baru seperti terdapat di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu bagi Hospital Duchess of Kent di Sandakan. Ini telah dikemukakan untuk pertimbangan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

JENTERA PEMBINA JALAN

9. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan, adakah beliau sedar bahawa setengah-setengah pejabat daerah telah dibekalkan dengan jentera pembina jalan yang tidak sesuai dan berkuasa rendah (under-powers), menyebabkan kerja-kerja membaiki jalan tidak dapat dilakukan dengan sempurna, terutama di musim hujan. Jika sedar, adakah Menteri yang berkenaan akan memberi jaminan bahawa jentera-jentera yang tidak sesuai ini akan digantikan dengan yang lebih baik.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, mungkin loji-loji atau jentera-jentera yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah loji-loji kecil yang diperuntukkan oleh Jabatan Perdana Menteri dan dibekalkan melalui Jabatan-jabatan Pembangunan Negeri, dan demi untuk memudahkan pentadbiran, diserahkan kepada Ketua-ketua Pegawai Daerah untuk diselenggarakan. Loji-loji ini dibeli atau diperbekalkan semata-mata untuk menyelenggara dan memelihara jalan-jalan kampung yang tidak bertar yang begitu banyak telah disiapkan dalam beberapa tahun ini yang tidak termasuk dalam lapangan tugas Jabatan Kerjaraya bagi penyelenggaraannya. Pihak Jabatan Kerjaraya telah bertanggungjawabkan untuk menentukan model (jenis) dan saiz loji-loji ini setimpal dengan kehendak dan tujuan perkhidmatan yang dimaksudkan seperti di atas iaitu semata-mata untuk kerja-kerja ringan seperti menutup atau menimbus

lubang-lubang dan melicinkan muka jalan yang dibuat daripada tanah ataupun batu-batu kecil.

Dalam pada itu jika loji-loji atau jentera-jentera itu telah digunakan bagi tujuan-tujuan lain seperti membina atau meluaskan jalan-jalanraya, iaitu membuat kerja-kerja yang lebih berat daripada had tenaganya tentulah loji-loji itu didapati tidak cukup kuasa dan lekas rosak. Walau bagaimanapun pihak Jabatan Kerjaraya sedang mengambil tindakan untuk membaiki mana-mana loji-loji yang rosak dan juga menasihat pihak-pihak yang berkenaan atas cara-cara penggunaan loji-loji yang tersebut. Soal mengganti loji-loji ini dengan yang lebih baik lagi tidak timbul.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jentera ini dilengkapkan dengan alat penyodok dan ada alat pengorek, alatnya ada tetapi apabila digunakan trektor itu terangkat.

Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tahu perkara ini sudah dirunding dengan D.O. tempat yang berkenaan sebelum alat-alat ini dibeli sebab kata orang: Lain padang, lain belalang. Barangkali sesuai dengan satu tempat seperti daerah Kuala Lumpur, tetapi Daerah Ulu Trengganu tidak sesuai sebab bila musim hujan, trektor hendak masuk pun tidak boleh dengan jalan yang ada sekarang.

Dr Nik Hussein bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, macam saya nyatakan dalam jawapan saya tadi, kuatkuasa loji-loji ini adalah terhad. Sungguhpun dibekalkan dengan pengorek ataupun penyodok ini cuma untuk menyodok tanah-tanah atau batu-batu kecil yang ringan, jika digunakan untuk menyodok batu-batu yang besar dengan sendirinyalah terangkat loji ini.

Bagi menjawab soalan tambahan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, maksud untuk digunakan loji-loji ini semuanya samalah samada di kawasan Kuala Lumpur ataupun di Ulu Trengganu iaitu untuk menjalankan kerja-kerja ringan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawatan bagi Pertanyaan No. 10 adalah diberi di bawah ini).

SUNGAI BERNAM—BEKALAN AIR

10. Tuan Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan adakah Kerajaan sedang mengawasi keselamatan dan kebersihan sungai-sungai di negara kita ini, jika ada, adakah Sungai Bernam termasuk dalam pengawasan tersebut, kerana Sungai Bernam pada masa ini airnya sudah menjadi terlalu keruh disebabkan air lombong dibuang di hulunya, oleh kerana selalu kemarau maka air sungai dari hulu menjadi kurang dan oleh kerana itu air masin telah mudak ke Sungai Bernam hampir lebih kurang 80 batu, akibatnya penduduk Sabak Bernam minum air paip yang keruh dan masin, kerana bekalan air paip diambil dari air Sungai Bernam itu.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Kawalan bekalan air paip adalah sentiasa dikawal oleh pihak-pihak berkuasa ataupun agensi-agensi yang berkenaan. Contoh air-air ini selalunya dihantar oleh pihak yang berkenaan kepada Jabatan Kimia untuk dianalisa.

Berhubung dengan Sungai Bernam, contoh-contoh telah dihantar ke Jabatan Kimia setiap bulan, dan berdasarkan kepada rekod-rekod Jabatan Kimia adalah didapati bahawa "salinity" air itu berubah dari bulan ke bulan bergantung kepada keadaan pasang surutnya air laut dan juga pada musim kemarau (biasanya dari bulan Julai ke Oktober) di mana paras "salinity" air itu melebihi piawai WHO untuk paras "chlorine" yang dikehendaki, iaitu 200 ppm dan paras maksima yang dibenarkan setinggi 600 ppm.

Selain daripada bekalan air paip, kawalan kualiti air di seluruh Malaysia adalah di dalam bidang fungsi Bahagian Alam Sekitar di Kementerian saya. Untuk tujuan ini, suatu program kualiti contoh-contoh air akan diambil setiap masa di stesyen pengawasan yang tetap, yang dianggarkan berjumlah 2,000 buah kesemuanya, yang terletak di dalam 65 buah kawasan kualiti air dengan tujuan untuk mengawasi kualiti air secara berterusan (sekurang-kurangnya sekali sebulan).

Sungai Bernam telah dimasukkan ke dalam rancangan ini, di mana 5 buah stesyen telah dipilih untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun penyiasatan awal yang telah dijalankan ke atas sungai ini pada tahun 1978

telah menunjukkan tentang perlunya diadakan kawalan berterusan dan ini akan dilakukan pada tahun 1979 dan seterusnya. Selain daripada itu saya juga telah diberitahu bahawa Jabatan Parit dan Taliair telah menjalankan kerja-kerja pengawasan di hulu Sungai Bernam ini sejak tahun 1974 untuk menentukan hubungannya dengan keperluan minuman dan pengairan.

Kemasukan air masin memang berlaku terutamanya di musim kemarau tetapi sehingga ini tidak terdapat bukti-bukti yang menunjukkan bahawa ianya telah mencapai peringkat sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Di musim kemarau perkhidmatan Jabatan Kerja Air diperolehi untuk membekalkan air minuman kepada penduduk-penduduk yang terlibat dengan menggunakan "tankers".

Pengawasan pelepasan air lombong adalah tanggungjawab Jabatan Galian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb Oktober, 1978).

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1979

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Usul yang berikut dirujukkan kepada Jawatan-kuasa sebuah-buah Majlis:

Bahawa Dewan ini membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada \$4,861,133,382 dibelanjakan daripada Kumpulanwang Pembangunan bagi tahun 1979, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Belanjawan Persekutuan, 1979 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 33 tahun

1978, adalah diuntukkan di bawah maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang setentang dengan butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut. (25hb Oktober, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Panti yang memulakan ucapannya pada masa Dewan ditangguhkan petang semalam.

4.56 ptg.

Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi bagi menyambung perbincangan saya di atas Rang Undang-undang Perbekalan 1979 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan pada 20hb yang lalu.

Sebagaimana yang telah saya katakan pada hari semalam, walaupun kita telah merdeka lebih 20 tahun, lebih kurang 21 tahun kita merdeka, sudah banyak rancangan-rancangan yang berupa ekonomi, pelajaran dan sebagainya telah dijalankan selama ini. Tetapi samada kita percaya ataupun tidak saya masih boleh membuktikan masih ada lagi di antara golongan rakyat-rakyat kita yang kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Barangkali mudah bagi kita menuduh golongan-golongan ini, boleh kita tuduh mengatakan mereka ini malas atau mereka ini tidak mengerti hendak mengambil bahagian dalam mana-mana peluang pembangunan, tetapi inilah keadaan yang masih lagi wujud pada hari ini.

Saya masih berkeyakinan penuh dalam Parlimen inilah tempatnya yang sesuai bagi saya dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain menyuarakan kehendak dan hasrat rakyat dan saya tidak setuju sama sekali bagaimana setengah-setengah khasnya ahli-ahli pembangkang daripada DAP yang pada hari semalam bercakap dan pada hari ini disiarkan dalam suratkhbar. Seolah-olah mereka itu masih percaya bahawa ada kuasa lain, ada tempat lain bagi kita menyuarakan hasrat rakyat, seumpamanya sebagaimana yang diminta dengan mengadakan perjumpaan untuk mengadakan perbincangan Universiti Merdeka dan sebagainya. Saya percaya barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat dari Parti Pembangkang itu sengaja tidak mahu tahu bahawa inilah tempatnya yang sesuai untuk kita menyuarakan apa juga kehendak dan hasrat rakyat. Di

atas keyakinan inilah, Tuan Yang di-Pertua, saya akan membawakan beberapa masalah, hasrat dan keadaan rakyat dan saya harap pihak Kerajaan akan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat kita pada hari ini sudah mula sedar dan telah berfikir dan setengahnya ada yang sudah bosan. Maksud saya dengan bosan di sini, rakyat kita dari semasa ke semasa sentiasa mengikuti surat-surat khabar, radio dan televisyen. Rakyat sentiasa mengikuti bahawa pihak Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa menerima rayuan-rayuan setengah-setengah golongan umpamanya, buruh, guru, pegawai dan rayuan mereka ini rayuan demi rayuan selalunya mendapat perhatian daripada Kerajaan. Macam-macam laporan yang dibuat, Suruhanjaya Aziz, Suruhanjaya Kabinet dan sebagainya dan boleh dikatakan berjaya. Rakyat kita khasnya yang di kampung-kampung hari ini setengahnya masih terpinga-pinga dan bertanya apa pula suruhanjaya untuk saya yang tinggal jauh di kampung-kampung. Tidak ada sebarang suruhanjaya pun kita mahu percaya atau tidak, samada kita mahu mengakui atau tidak masih banyak terdapat rakyat kita di kampung-kampung hari ini yang hidup ramai bilangan keluarganya dengan pendapatan \$60-\$80 pada satu bulan.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya percaya salah satu daripada sebabnya ialah di luar-luarbandar ini belum cukup bekalan-bekalan ataupun kemudahan-kemudahan asas yang sepatutnya telah wujud selama 21 tahun ini. Dengan kerana itu tidak dapatlah faktori-faktori, kilang dan sebagainya ditubuhkan di luar bandar, terpaksa kilang ini samada kilang kecil atau besar ditumpukan di bandar-bandar besar atau bandar-bandar yang banyak kemudahan seperti air, api, bomba dan sebagainya kilang-kilang ini tidak dapat didirikan di luar-luarbandar, lebih-lebih lagi di kampung-kampung. Rakyat kita di kampung-kampung sebahagiannya dapatlah berhijrah ke bandar-bandar tetapi sebahagian besarnya masih tinggal di kampung-kampung juga dengan pekerjaan tradisionya, menoreh getah, bersawah, nelayan dengan menangkap ikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap melalui Dewan yang mulia ini dapatlah pihak Kerajaan memberi perhatian berat atau sempurnakanlah kemudahan-kemudahan asas ini

lebih dahulu, bekalan airnya, api dan sebagainya supaya dapat kita mengadakan kilang-kilang perindustrian dan sebagainya di luar-luarbandar, terutama sekali di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu masalah yang saya fikir sudah patut pihak Kerajaan menimbang semula kerana di dalam keadaan pentadbiran negara kita Malaysia ini, khususnya di Semenanjung Malaysia Barat ini sebagaimana keterangan-keterangan yang pernah kita dengar daripada pihak Kerajaan melalui Menteri-menteri masih lagi terdapat grading ataupun negeri-negeri kita ini daripada Johor sampai ke Perlis, daripada timur sampai ke barat masih lagi terdapat dua kategori: pertama, negeri maju dan kedua, negeri yang tak maju. Nasib baiklah Johor negeri saya dimasukkan dalam kategori maju, sedaplah hati saya sedikit tetapi apa hal dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang datang daripada negeri yang dikategorikan negeri yang tak maju. Sesudah 21 tahun kita merdeka masih lagi tidak maju, tambah lagi 21 tahun akan datang pun tak maju juga. Pada pandangan saya, kalau boleh, ini peninggalan penjajah saya percaya, pusaka Colonial yang telah dipusakakan kepada kita yang terpaksa kita menanggung beban. Jadi sudah sewajarnya dalam pembangunan, dalam belanjawan yang begini banyak yang akan dicurahkan wang saya harap berilah masa, beri sempadan sampai bila kita hendak katakan negeri itu tak maju kerana kalau kita tidak ada polisi yang tertentu, tidak ada matlamat yang tertentu, 5 tahun, 10 tahun negeri ini akan maju, saya bimbang nanti sampai 50 tahun pun negeri ini akan termasuk lagi dalam kategori yang tak maju.

Saya bawakan masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, sebab saya mendapat tahu bila negeri-negeri yang dalam kategori tak maju ini dihantarkanlah pegawai-pegawai, saya tak beranilah kata pegawai yang tak maju tetapi dihantarlah pegawai-pegawai yang kurang sedikit dengan alasan negeri ini tidak berapa maju dan pegawai-pegawai kanan dihantar ke negeri-negeri yang maju. Jadi kalau beginilah keadaannya nanti negeri yang maju makin maju, negeri yang masuk dalam kategori yang tak maju itu akan mundurlah selama-lamanya. Saya harap buanglah grading, kalau boleh jangan dibuat kategori ini lagi. Kita memang hendak sangat supaya semua negeri daripada Johor sampai ke

Perlis akan jadi negeri maju, termasuklah negeri-negeri di Malaysia Timur—Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan yang kita rancang, belanjawan yang begitu banyak yang akan kita curahkan saya percaya tidak akan dapat berjalan dengan baik kalau sekiranya negara kita ini masih lagi diancam terutama sekali oleh penjahat-penjahat komunis. Barangkali juga pemodal-pemodal luar agak liat datang kerana mereka membaca suratkhbar dan mereka diberitahu kita masih lagi mengisytiharkan perang dengan komunis, ertinya kita sentiasa berperang dengan komunis. Saya percaya barangkali gambaran di luar negeri yang kita ini dalam keadaan berperang, macamlah kita menggambarkan keadaan Lebanon dalam keadaan berperang dengan Israel, negerinya hancur. Jadi negara kita isytiharkan dengan dunia yang kita berperang dengan komunis sampai hari ini sedangkan peperangan yang kita ada ini jauh bezanya dengan peperangan yang berlaku di Beirut, di Lebanon.

Apa yang saya hendak bawakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, sampai bilakah kita hendak jadikan negeri kita ini kawasan bersih, macam zaman darurat dahulu ada kawasan hitam, ada kawasan putih, kemudian daripada hitam itu beransur-ansur jadi putih, akhirnya semua sekali putih. Maksud saya lebih lekas kita isytiharkan negara kita ini negara bersih, negeri yang tidak ada lagi ancaman komunis dan sebagainya makin cepat saya percaya pelabur-pelabur datang, tidak payah kita hantar rombongan, tidak payah kita panggil, barangkali mereka akan berlumba-lumba datang ke negeri ini menanam modal menengok keadaan negeri kita ini.

Saya bimbang, kalau keadaan ini berlanjutan nanti banyaklah rakyat kita, anak-anak muda kita yang akan terkorban dan banyaklah wang ringgit kita akan kita belanjakan untuk pertahanan. Saya merayu kepada pihak Kerajaan, khasnya Kementerian Pertahanan kalau boleh hapuskanlah mereka ini semua dengan apa cara pun kita cubalah hapuskan dengan seberapa secepat saki-baki yang masih lagi mengancam ketenteraman kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, setelah 21 tahun kita merdeka apabila kita melawat atau pergi ke daerah-daerah atau negeri-negeri kita masih lagi berhadapan hari ini dengan sebahagian atau segolongan

pegawai-pegawai yang masih lagi berlagak atas bersifat sebagaimana pegawai-pegawai di zaman Colonial. Walaupun jumlah ini tak banyak, tinggal lagi masih ada, kadang-kadang di dalam Majlis-majlis Tindakan Daerah di daerah-daerah kita boleh dapat menyaksikan dengan terang keadaan ini.

Kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat diarah supaya menghadiri Majlis-majlis Tindakan Daerah untuk pembangunan daerah masing-masing, sudah tentu kita yang datang daripada parti yang memerintah, khasnya Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional, apabila sesuatu projek yang diminta oleh rakyat, yang dikemukakan oleh rakyat melalui wakilnya, maka di sini selalu kita bertembung dengan pegawai-pegawai. Kalau kita mencadangkan mengadakan sebarang projek itu ialah untuk kepentingan politik kita sebagai parti yang memerintah, tetapi nampaknya bagi pihak pegawai dia tidak menghiraukan langsung kepentingan politik kita. Mereka hanya hendak menjaga polisi.

Sebagai satu contoh ada satu istilah yang saya selalu berhadapan dengan istilah ini dan selalu berhadapan dengan pegawai-pegawai yang menggunakan istilah ini dan seolah-olah istilah ini sebagai senjata yang paling tajam, yang paling berkesan digunakan bagi membantah atau menolak cadangan dan rayuan yang kita kemukakan bagi kepentingan rakyat. Istilah itu ialah istilah "non-economic". Bila kita minta adakan kelinik dia katakan kawasan itu kurang penduduknya, tidak ekonomik. Bila kita minta telepon, jawapannya non-economic. Apa sahaja yang kita minta jawapannya: tak ekonomik. Jadi, saya harap melalui Dewan yang mulia ini, kalau tidak boleh dihapuskan perkataan non-economic—tidak berekonomik ini tolonglah cari jalan, haraplah pada pihak Kerajaan timbangkan balik semula, tolong buat satu polisi baru berkenaan dengan tak ekonomik ini.

Kadang-kadang saya difahamkan hendak membuat satu Kelinik Desa berkehendakkan penduduk tidak kurang 10,000 orang. Bila tidak cukup jumlahnya 10,000 orang, ada umpamanya 900 orang tak dapat hendak dibuat satu kelinik sebab "Non-economic". Dengan sebab itu tidak dapat didirikan kelinik. Dan melalui Dewan yang mulia ini, saya harap pihak Kerajaan timbang balik semula dan kalau boleh beritahulah pegawai-pegawai kita di peringkat pelaksanaan supaya

jangan sewenang-wenang dan sebegitu mudah menggunakan istilah "tak berekonomik" ini kerana kita di segi parti yang memerintah yang datang daripada parti yang memerintah kita berkehendakkan kepentingan politik masa depan kita supaya tidak hilang kepercayaan rakyat kepada kita dan kepada parti yang memerintah negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi yang saya amat berdukacita sekali, saya harap dapat pihak-pihak Yang Berhormat Menteri-menteri mengambil perhatian berat sedikit. Apa yang saya hendak bawa ini kalau ada apa-apa rancangan pembangunan, kalau Yang Berhormat Menteri-menteri dapat peluang melawat, kalaulah projek itu lambat lagi hendak dibuat atau belum tahu bila hendak dibuat, saya harap janganlah lekas-lekas sangat diadakan publisiti dan pengisytiharan kerana bila seseorang Menteri mengisytiharkan bahawa di sini akan diadakan satu projek so and so, so and so on, satu tahun, dua tahun tidak ada, tiga tahun tidak ada, rakyat yang di situ bertanya mana dia rancangan yang Menteri isytiharkan itu? Sebagai sebuah contoh di dalam kawasan saya yang bernama Kuala Sedili atau Tanjong Lembu.

Pada akhir tahun 1975 dan awal tahun 1976, kalau tidak silap saya, yang pada masa ini kurang juga moleknya saya sebutkan, sebab Menteri yang berkenaan telahpun kembali ke Rahmatullah, tetapi telah diisytiharkan waktu beliau melawat satu pelabuhan pendaratan ikan yang didirikan di Tanjong Lembu, Sedili dengan modalnya \$15 juta. Seorang demi seorang Wakil Rakyat yang mewakili daerah ini, rakyat bertanya: mana dia, peruntukan yang begitu besar—\$15 juta, pelabuhan pendaratan ikan yang akan didirikan, sampailah ini, sampai sekarang ini sebatang habuk tiangpun tidak ada didirikan untuk pelabuhan pendaratan ikan itu. Kalaulah keadaan ini berterusan, saya bimbang nanti rakyat hilang kepercayaan dengan apa juga yang kita isytiharkan. Jadi, saya harap kalaulah benar-benar projek itu sudah hendak didirikan, sudah ada peruntukannya, sudah selesai pengambilan tanahnya, sudah selesai berunding dengan Kerajaan Negerinya, kalau hendak isytiharkan, isytiharkanlah samada sebelum pilihanraya, selepas pilihanraya atau bila sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Kewangan yang telah memperuntukkan jumlah wang yang

begitu banyak kepada beberapa Kementerian yang akan saya sebutkan di sini, umpamanya Kementerian Pelajaran yang telah diperuntukkan wang sebanyak lebih daripada \$47 million. Di sini saya harap kepada Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran pada hari ini masih lagi terdapat kekurangan-kekurangan yang sepatutnya tidak berlaku terutama sekali di peringkat daerah-daerah di luar bandar dan di pedalaman. Kekurangan yang saya maksudkan ialah tentang alat-alat pelajaran, keadaan sekolah dan sebagainya, umpamanya dalam kawasan saya sendiri terdapat sebuah sekolah yang mana sekolah itu Sekolah Kebangsaan Bandar Kota Tinggi, sekolah-sekolah lain yang berhampiran dengannya boleh dikatakan sudah mendapat peruntukan bangunan baru belaka, bangunan moden, tetapi Sekolah Kebangsaan yang sudah berumur 50 tahun ini macam keadaan yang lama lagi. Saya berharap kepada pihak Kementerian Pelajaran dapat mengambil perhatian berat Sekolah-sekolah Kebangsaan yang seumpama ini dapatlah dibina dengan satu bangunan sekolah yang baru kerana namanya sahajapun Sekolah Kebangsaan bukan Sekolah Jenis Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan telah tumbuh macam cendawan tumbuh selepas hari hujan di sekitar Sekolah Kebangsaan itu, tetapi Sekolah Kebangsaan asal yang di situ macam mana yang lama juga. Bila keadaannya rosak sedikit, beritahu JKR, dia suruh repair, sapu cat. Saya harap keadaan ini tidak menguntungkan, lebih baik kita buat satu bangunan baru.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkembangan perkampungan baru begitu pesat, penambahan pertumbuhan, murid-murid baru begitu banyak, terutama sekali di Kampung-kampung Baru samada di Malaysia Barat atau Malaysia Timur, saya harap sudah sampai masanya bagaimana setengah-setengah negeri kalau sekiranya pihak Kementerian Pelajaran begitu sulit hendak mentadbirkan keadaan sekolah-sekolah rendahnya, menengahnya, tingginya, saya harap kalau sudah sampai masanya Kementerian Pelajaran ini bahagi dua, adakan dua Kementerian Pelajaran. Satu, Kementerian Pelajaran Tinggi dan satu Kementerian Pelajaran Rendah. Barangkali tidaklah sulit sangat menghadapi keadaan-keadaan yang berlaku pada hari ini yang sangat mendukacitakan rakyat di kampung-kampung.

Tuan Yang di-Pertua, kalau persekolahan pelajaran begitu penting bagi kemajuan dan pembangunan negara kita dan di mana-mana negara juga dalam dunia ini, maka kesihatan juga tidak kurang pentingnya.

Pada hari ini peruntukan telah dibuat oleh Kementerian Kesihatan. Saya berharap dengan peruntukan yang baru ini terutama sekali dalam kawasan pilihanraya saya, saya akan berbesar hati dan bersenang hati bila balik ke kawasan saya menghadapi rakyat yang mana selama ini sentiasa bersungut samada Kementerian Kesihatan hari ini sedar atau tidak, samada Kerajaan sedar atau tidak perkara ini berlaku dalam satu kawasan umpamanya di kawasan saya di Kota Tinggi dan saya percaya di kawasan lain juga dalam Malaysia ini yang keluasan daerahnya boleh dikatakan lima kali ganda dari Pulau Singapura, luasnya kawasan pilihanraya saya lebih seribu batu persegi dan penduduknya lebih 80,000 orang.

Selama ini kami menghadapi kekurangan doktor walaupun lebih 80,000 jiwa yang ada dalam kawasan ini hanya mempunyai tiga orang doktor dengan seorang doktor gigi. Ini telah menjadi sungutan. Dan apabila perkara-perkara yang seumpama ini pada masa-masa yang lalu saya bawa ke dalam Dewan Undangan Negeri umpamanya, selalu terdapat jawapan dari pihak Negeri, "Ini Federal matter; Federal matter mesti bawa dalam Parlimen." Saya bimbang jangan pula nanti Parlimen kata, "Ini State matter." Tendang balik ke Dewan Negeri. Saya harap perkara itu tidak akan berlaku lagi. Saya percaya sudah sampai masanya perkara ini kita atasi. Apabila dahulu pihak Negeri mengatakan, "Ini Federal matter, bawalah dalam Parlimen." Sudah sampai masanya hari ini, saya terpaksa bawa dalam Parlimen, maka saya harap janganlah ditendang pula dengan mengatakan, "Ini State matter." Kalau begitu habislah usaha, mana kita hendak pergi.

Tuan Yang di-Pertua, saya inginlah membawakan beberapa contoh umpamanya doktor gigi, selama ini pernah sekali dua orang doktor gigi dalam kawasan saya yang penduduknya 80,000 orang—hanya dua orang doktor gigi. Hari ini tinggal seorang sahaja. Samada pihak Kementerian Kesihatan sedar atas perkara ini atau tidak, perlulah diperhatikan. Doktor yang seorang itu

apabila melawat ke luar kawasan, terpaksa kelinik gigi itu tak ada doktor merawat. Dan saya ingin memberitahu Dewan ini, kelinik pergigian di Kota Tinggi hanya dibuka untuk orang ramai merawat gigi di sana dan termasuk kanak-kanak sekolah pada tiap-tiap hari Sabtu sahaja. Barangkali Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat dapat menggambarkan bagaimana kesesakan seminggu sekali orang ramai dapat peluang pergi ke kelinik gigi itu, tentulah jumlah yang pergi mendapatkan rawatan itu sangat ramai. Saya berharap melalui Belanjawan tahun 1979 ini perkara-perkara yang semacam ini tidak akan berlaku dan saya harap bukan sahaja tidak akan berlaku di kawasan pilihanraya saya, saya harap semoga kekurangan doktor gigi tidak akan berlaku lagi.

Kadang-kadang oleh kerana kawasan saya itu boleh dikatakan satu kawasan yang luas sebagaimana saya katakan tadi lima kali pulau Singapura luasnya, kadang-kadang seminggu sekali doktor terpaksa pergi melawat keluar dengan kemudahan-kemudahan jalan yang belum baik, kadang-kadang apabila sampai ke kawasan itu, saya sebutkan di sini di antara Bandar Kota Tinggi dengan bandar Pengerang jauhnya lebih kurang 60 batu, sebahagian daripada jalanraya masih lagi tanah merah. Apabila rombongan kelinik-bergerak sampai ke kawasan itu sudah pukul 11 pagi dan hampir pukul 1 atau pukul 2, rombongan doktor gigi itu mulai kelam-kabut pula hendak balik. Jadi masalah yang seumpama ini apabila saya dapat peluang melawat di sana, inilah sungutan pengundi-pengundi saya atau rakyat di sana minta supaya kalau doktor itu tidak pun dapat menetap di luar bandar untuk satu dua hari, biarlah lama sedikit waktu merawat umpamanya daripada pagi sampai ke petang. Perkara ini timbul ialah dengan sebab kekurangan doktor. Maka saya harap melalui Dewan yang mulia ini kawasan saya akan dapat peruntukan yang lebih banyak lagi doktor pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam pembangunan samada yang lepas atau yang akan datang, saya percaya Jabatan Kerja Raya adalah satu-satu jabatan yang secara langsung terlibat dengan pembangunan-pembangunan di daerah-daerah. Kalau tadi saya menceritakan keadaan dan kesusahan rakyat berhubung dengan kekurangan doktor, saya percaya

bukanlah di kawasan saya sahaja bahkan di kawasan-kawasan lain juga begitu juga dengan Jabatan-jabatan Kerja Raya di bawah Kementerian Kerja Raya dan Kemudahan Awam, masih terdapat dengan begitu terang kekurangannya sehingga membantutkan pembangunan kita pada tahun yang lampau. Banyak kerja-kerja yang tidak dapat dijalankan, kerana dalam satu-satu daerah itu umpamanya daerah Kota Tinggi hanya mempunyai seorang jurutera (engineer) dan seorang technical assistant, dialah yang hendak menengok projek di sana, dialah hendak menengok projek di sini, sedangkan pembangunan begitu pesat sehingga cukup satu tahun banyak rancangan-rancangan yang tidak dapat dilaksanakan, tetapi sebaliknya sebagai salah sebuah agensi Kerajaan atau anak Kerajaan, saya bawa contoh di sini katakanlah Johor Tenggara. Saya pelik, Johor Tenggara dapat mengadakan sampai 16 orang jurutera dan berbelas-belas orang technical assistants membantu jurutera itu, yang menjaga hanya satu agensi Kerajaan sahaja iaitu Johor Tenggara yang mempunyai 16 orang jurutera, ada pula consultant daripada luar negeri, tetapi bagi menjaga satu daerah Kota Tinggi hanya dibekalkan seorang jurutera dan seorang technical assistant sahaja. Jadi tidak hairanlah banyak projek-projek yang telah kita cadangkan dan telah pun mendapat peruntukan itu tergendala, terpaksa direvotekan kepada tahun hadapan, umpamanya projek tahun 1977 direvotekan ke tahun 1978 dan tahun 1978 terpaksa direvotekan ke tahun 1979 yang sepatutnya siap pada tahun itu, sebab kita sudah berjanji dengan rakyat tetapi dengan sebab kekurangan jurutera, projek-projek terpaksa dilambatkan. Saya merayu kepada Dewan yang mulia ini belanjawan yang begitu banyak akan datang tidak timbul lagi kekurangan jurutera.

Sebagaimana yang saya katakan tadi Jabatan inilah yang telah dikatakan secara langsung terlibat dengan pembangunan-pembangunan yang akan diadakan di negeri-negeri terutama sekali di daerah-daerah. Satu daripada dasar yang dapat saya tinjau dengan lebih dekat atau sudah menjadi amalan kepada JKR di daerah-daerah ini berhubung dengan overtime. Walaupun overtime ini perkara biasa, tetapi apa yang saya difahamkan setengah-setengah buruh kita telah mengambil kesempatan di atas overtime ini.

Di dalam masa bekerja, bekerja dengan slow, perlahan, sebab mereka tahu mereka boleh buat dalam masa overtime, gajinya lebih. Sepatutnya kerja ini boleh dihabiskan dalam masa bekerja, tetapi sengaja atau tidak sengaja, saya faham apa yang saya tinjau dengan dekat mereka memang ditunggu untuk masa overtime. Kalau boleh saya harap walaupun ada had-had yang tertentu dibenarkan bagi seorang buruh itu mengambil overtime sekian banyak dalam seminggu atau dalam sebulan tetapi saya harap pihak Kerajaan supaya tidak banyak sangat merugikan wang Kerajaan untuk membayar overtime ini. Diharap dapat diperhatikan supaya jangan ada orang mengambil kesempatan untuk sengaja melengahkan kerja dalam masa bekerja dan apabila lebih pukul 4.00 petang habis masa bekerja, mereka pun bekerja dengan keras dan bertungkus lumus, sebab ada overtime.

Tuan Yang di-Pertua, bekalan-bekalan air, pertumbuhan kampung-kampung baru terutama sekali dalam Sekim-sekim FELDA, begitu pesat sekali sehingga pihak FELDA telah menyiapkan perumahan-perumahan dan telah memanggil mereka yang layak duduk dalam FELDA tetapi pihak JKR tidak sanggup, atau tidak sempat mengadakan bekalan-bekalan air yang sepatutnya dibekalkan, sehingga sampai hari ini masih terdapat peneroka-peneroka tadi yang mana air minumannya disedut daripada air sungai dengan tidak ditapis dengan tidak ditaruh chlorin dan sebagainya dan terus ke mulut, terus diminum. Sebab tangki air belum siap sedangkan peneroka telah ada. Terpaksalah JKR sedut juga air sungai itu, keruh-keruhlah. Keruh air sungai, keruhlah diminum, dengan tidak ada ditaruh chlorine. Ini berlaku dalam kawasan saya dalam kawasan FELDA, saya tak tahu di kawasan yang lain. Bukan satu rancangan, bahkan banyak rancangan yang berlaku keadaan yang seumpama ini.

Barangkali kawasan saya agak ganjil sedikit dengan kawasan lain terutama sekali tentang perbekalan air. Banyak cerita-cerita seakan-akan cerita lucu yang berlaku. Sebagai contoh, pihak JKR mengisytiharkan melalui Majlis Tindakan Daerah bahawa kawasan kampung-kampung ini (a), (b), (c) akan dapat bekalan air. JKR pun pasanglah paip besar, orang-orang kampung bila dengar paip

hendak masuk dalam kampung mereka, mereka pun tak lengah lagi cari kontrektor (plumber) yang boleh tolong pasang paip. Masuklah batang paip dan bayarlah seberapa yang dikehendaki oleh plumber, belilah kepala paip dengan harapan tidak hendak minum air perigi, air sungai lagi. Tetapi alangkah hampa harapan mereka, pulas-pulas kepala tak berair, puas pulas kepala tak berair juga. Sampai dua tiga hari dan dua tiga minggu tidak ada juga air, terpaksalah buka kepala balik, tinggal batang. Jadi bila tinggal batang sahaja, bila air hendak keluar. Sampai sekarang ini tidak ada air. Samada pihak JKR tadi menyedari atau tidak bahawa pressure air itu tak kuat, sudah dipasang. Keadaan semacam ini adalah menghampa rakyat.

Di satu kawasan lain, ini kejadian yang sebenarnya berlaku dalam kawasan Johor Lama. Pihak JKR istiharkan kepada orang ramai bahawa kawasan Johor Lama akan dimasukkan paip air. Datanglah paip-paip bertimbun-timbun sehingga mendatangkan satu masalah. Kalau dibiarkan di tepi jalan, nanti orang curi, maka arahan dari JKR negeri ditanam batang paip tadi. Sampai hari ini macam menanam mayat, sudah tiga empat tahun ditanam paip itu. Saya bimbang sudah berkarat pula paip itu, bila batang itu sudah berkarat, airnya keluar lebih berkarat, langsung tak boleh guna air yang keluar itu nanti. Keadaan yang seumpama ini berlaku. Saya harap dengan peruntukan yang baru, Belanjawan yang kita hadapi sekarang ini keadaan yang seumpama ini akan diambil berat terutama sekali oleh Kementerian Kerjaraya.

Tuan Yang di-Pertua, ada segolongan lagi rakyat kita yang kurang benar mendapat perhatian selama ini. Kalau petani-petani diadakan Sekim FELDA, FELCRA, RISDA dan sebagainya, begitu juga buruh-buruh, penduduk-penduduk dalam bandar samada dalam bandaraya atau bandar-bandar kecil, pihak Kerajaan-kerajaan negeri mengadakan sekim-sekim perumahan bagi rakyat ini, bagi petani-petani ada pula rancangan tanaman semula, subsidi baja, benih dan sebagainya; bagi kaum nelayan bukan saya hendak menafikan ada juga selama ini diberi subsidi, beli jaring, beli pukot, beli injin sangkut dan sebagainya, tetapi apa yang saya hendak bawa dalam Dewan yang mulia ini tidak ada sekim perumahan untuk nelayan. Saya tidak tahu

di kawasan-kawasan lain tetapi dalam kawasan pilihanraya saya sendiri banyak jumlah nelayan yang ada di sana kehidupan mereka 100% bergantung kepada orang tengah. Kawasan ini sebagaimana yang saya ceritakan awal tadi, satu orang Menteri datang mengisytiharkan di sini akan dibina satu kompleks pendaratan ikan yang berjumlah \$15 juta, sampai sekarang tidak nampak tiangnya. Jadi kawasan inilah yang nelayan-nelayan, kalau kita tengok keadaan mereka, kedudukan mereka yang sebenarnya, keadaan rumahnya, kesihatan, pelajaran anak-anaknya, sangat dahsyat, sangat mendukacitakan, sedangkan mereka pengundi, rakyat yang setia, mereka juga sepatutnya berhak mendapat nikmat kemerdekaan, nikmat pembangunan sebagaimana pengundi-pengundi rakyat di dalam bandar dan rakyat lain.

Saya harap samada melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun Kementerian Pertanian belah nasib rakyat daripada golongan nelayan ini. Kalau kita buka sekim FELDA bagi petani-petani, kita sediakan rumah; adalah semua itu dengan berhutang yang mana peneroka tadi terpaksa membayar untuk sekian-sekian tahun, begitu juga dengan kaum nelayan. Kalau peneroka-peneroka FELDA kita boleh adakan rumah dan dibayar dengan beransur-ansur apa salahnya kalau kaum nelayan kita ini diberi satu sekim perumahan dan minta nelayan ini membayar cara beransur-ansur. Saya harap samada melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ataupun Kementerian Pertanian termasuk di bawah nelayan haraplah ambil perhatian perkara ini dan kalau boleh susunlah kehidupan masyarakat nelayan kita. Yang saya tahu di kawasan saya tidak ada pembelaan dari segi kedudukan dan perumahan kaum nelayan ini.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana memandangkan penduduk di negara kita ini selepas peperangan dunia kedua dahulu pada hari ini mengikut banciaan dan kajian yang dijalankan lebih 60% penduduk-penduduk di negara kita ini terdiri dari kaum belia dan belia-wanis yang hari ini telahpun teracun dengan macam-macam, dengan dedahnya, dengan ganjanya dan sebagainya, sedangkan mereka nanti satu hari akan menjadi pemimpin. Apa yang saya maksudkan di sini, kalau Jepun jika tidak salah saya di bawah Universiti Sains dapat mengadakan latihan kepada belia-belianya untuk menjadi nelayan moden

dengan menyediakan sebuah kapal makmal untuk melatih nelayan-nelayan moden ini, bukan sahaja berlatih di atas darat latihan itu dibawa terus ke dalam laut. Jadi, saya rasa tidak salah kalau mencontohi negeri yang maju. Kalau kita mencontohi negeri yang maju, saya rasa tidak salah. Kalau Jepun boleh buat, saya harap dalam rancangan yang akan datang ini samada pihak MAJUIKAN dan sebagainya cubalah buat satu rancangan supaya kita dapat menarik belia-belie kita ini dilatih, kalau dilatih menjadi petani sebagai petani moden dan kalau nelayan, sebagai nelayan moden yang cukup dengan alat-alat penangkapan ikan yang moden bukan dengan secara tradisional atau cara lama lagi.

Pada hari ini memang ada, saya tidak menafikan, macam-macam pukut ada, pukut sorong ada, pukut tunda ada, pukut harimau ada, pukut gajah pun barangkali ada, apollo pun ada dijalankan tetapi dijalankan oleh pihak swasta—pihak perseorangan. Sedikit sangat yang dijalankan oleh pihak Kerajaan, umpamanya MAJUIKAN dan sebagainya. Saya harap oleh kerana memandangkan 60% terdiri daripada kaum belia dan beliawanis dan saya percaya murid-murid sekolah kita yang begini ramai bukan semua boleh dapat pergi ke universiti. Lojiknya tak semua murid-murid kita ini satu hari boleh pergi ke universiti samada universiti seberang laut atau samada universiti seberang laut atau universiti dalam negeri. Sudah tentu banyak di antara mereka yang tidak sampai ke mana, yang tidak sampai tinggi pun tidak, macam kata pepatah Melayu, macam kiambang pucuknya tidak sampai ke langit, uratnya tidak jejak di bumi, terumbang ambing di tengah-tengah sahaja. Jadi, kepada belia-belie ini yang pada mulanya murid sekolah tidak sampai menengah, tidak sampai ke universiti, berhenti, akhirnya menjadi penganggur. Tiap-tiap tahun sedikit sangat jumlahnya sekolah-sekolah ini yang mengeluarkan cendekiawan, yang mengeluarkan cerdik pandai tetapi yang banyak mengeluarkan penganggur sebab tidak sampai ke matlamat akhirnya. Ada setengahnya menengah pun dia tidak sampai, jangankan hendak sampai ke universiti. Jadi eloklah pihak perikanan umpamanya latih belia-belie kita ini di bidang penangkapan ikan secara moden supaya menjadi nelayan moden dan supaya menjadi petani moden.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan tahun 1979 ini boleh dikatakan selain daripada kita Ahli-ahli Yang Berhormat, rakyat biasa telahpun mengikuti daripada sehari ke sehari dan rakyat mengikuti perkembangan apa yang kita bincangkan dalam Dewan ini. Rakyat pada hari ini sentiasa menumpukan perhatian kepada suratkhbar, radio dan televisyen hendak tahu apa yang kita bincangkan dalam Dewan yang mulia ini, apa yang kita putuskan dalam Dewan yang mulia ini, apa yang diisytiharkan samada kenaikan atau turun, samada turunnya cukai-cukai dan sebagainya, rakyat hendak tahu. Tetapi sebagaimana yang kita tahu tadi dalam Soal Jawab pun telah timbul nampaknya seolah-olahnya peniaga-peniaga ini lebih berkuasa daripada Parlimen, Parlimen sudah pun membuat decision, Parlimen sudahpun memutuskan supaya harga itu diturunkan dan sebagainya. Seolah-olahnya menggambarkan mereka lebih berkuasa lagi daripada Parlimen, mereka tidak mahu menurunkan, lambat sangat. Kalau hendak naik macam ribut, kalau hendak turun macam siput, lambat. Kalau isytihar sahaja belanjawan naik dan sebagainya, macam ribut, tidak sempat 24 jam barang sudah naik. Apabila diisytiharkan turun 30%, turun 15%, turun 50%, macam siput lambatnnya, seolah-olah mereka mencabar kita, mencabar keputusan Parlimen ini. Jadi, saya bersetuju sangatlah dengan apa yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang beliau tidak akan teragak-agak lagi mengambil tindakan dan saya harap bukan mereka tidak tahu, bukan tidak sampai perkaraban itu kepada mereka, mereka tahu, sengaja hendak mencabar kita, hendak menengok setakat mana kekuasaan kita, inforcement kita untuk melaksanakan, untuk mengambil tindakan dan sebagainya, kerana ini amat memalukan dan menyusahkan rakyat.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan harga barang-barang kita, terutama sekali yang saya hendak sentuh barang-barang keperluan rakyat yang miskin. Kalau satu masa dahulu, lima enam tahun dahulu atau 10 tahun dahulu penoreh-penoreh getah boleh dapat harga getah \$1.50 sekati atau \$1.20 sekati berbanding dengan harga gula pada masa itu 35 sen sekati, ikan bilis \$1.80 sekati, tetapi berbanding dengan hari ini harga getah sekati 80 sen atau 81 sen berbanding pula dengan harga gula 65 sen. Sedangkan rakyat awal-awal saya katakan tadi, kalau rakyat di

kampung-kampung ada yang pendapatnnya hari ini di antara \$60 dengan \$80 sahaja sebulan, sedangkan menanggung anak sege-rabak banyaknya. Dengan perbandingan harga hasilnya yang begitu murah dengan barang yang begitu mahal sampai \$4 lebih. Pernah satu masa lada kering \$4 lebih sekati, ikan bilis sampai hari inipun ada yang \$4 sekati lagi.

Saya harap terutama kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ikhtiarkan, carilah jalan supaya dapat menyeimbangkan harga makanan dan keperluan rakyat jelata ini. Saya bukan tidak setuju dengan cukai-cukai barang-barang Max Factor, alat solek dan sebagainya direndahkan bagi membolehkan isteri-isteri kita melawa depan kita sebab mudah hendak beli. Saya tidak menafikan dan saya tidak anti itu semua tetapi perkara ini merupakan luxury, bukan merupakan necessity. Tetapi yang necessary dan necessity ialah keperluan rakyat jelata, harga beras, harga gula dan sebagainya. Ini sepatutnya dapat diberikan tumpuan dan perhatian yang berat supaya rakyat tidak menanggung kesusahan dan menghadapi kehidupannya sehari-hari.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya bila negara sudah mewah dan rakyatpun sudah mewah, dengan pendapatan-pendapatan yang lumayan, dengan turunnya cukai-cukai barang masuk, dengan sendirinya barang akan mewah, akan banyak, maka rakyat pula memerlukan hiburan. Saya menyentuh bidang Kementerian Penerangan sedikit. Pada hari ini alat-alat hiburan tidak lain dan tidak bukan ialah radio dan televisyen. Rakyat boleh dikatakan pada hari ini masih menumpukan kepercayaan dengan radio dan televisyen termasuklah mass-media yang lain iaitu suratkhbar. Apa kata suratkhbar dianggapnya macam Quran, apa kata radio dianggapnya macam Quran. Bila radio dan suratkhbar siarkan harga daging di Pasar Besar Kuala Lumpur \$3.40 sekati, kitapun pergilah beli daging di Kota Tinggi. Kata mamak Malabari itu \$3.80. Jadi rakyat biasa kata radio cakap \$3.40. "Awak belilah sama radio, jangan beli sini". Ini yang dapat. Radio cakap \$3.40; awak jual \$3.80, \$3.80, mana boleh. "Saya jual \$3.80, kalau radio dan TV bilang \$3.60 awak beli sama radio dan TV". Ini pula jawapannya! Jadi kalaupun ada perbezaan harga ini yang selalu disiarkan dalam radio dan televisyen ini tolonglah juga sebutkan umpamanya di Pasar Besar Kuala Lumpur harganya sekian, di Pasar

Besar Johor Bahru, Alor Setar harganya sekian. Barangkali di tempat-tempat lain lebih mahal, umpamanya pengangkutannya dan sebagainya membolehkan harganya dimahalkan. Tetapi ini akan mendatangkan satu pandangan kepada rakyat kita seolah-olah ada diskriminasi di antara penduduk dalam bandar dengan penduduk di luar-bandar yang mana penduduk dalam bandar dengan orangnya yang berpendapatan lumayan dan kemudahan-kemudahannya dapat beli daging dengan harga \$3.40 atau \$3.60 sekati sedangkan rakyat di kampung-kampung hendak pergi ke bandar kecil terpaksa membeli dengan harga \$3.80 atau \$3.60 sekati.

Saya harap kepada pihak Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian melalui mass media Kerajaan supaya tidak mendatangkan keliru kepada rakyat yang mendengarnya. Ini nasib baiklah kalau ada yang membeli itu kita yang ada common sense sedikit, dibuatnya orang kampung—maaf saya, pakcik-pakcik kita, rakyat di pedalaman yang percaya sangat dengan radio, harga di radio lain, harga yang dijual lain, mungkin berlaku pergaduhan, mungkin berlaku pertengkaran kalau dia berkeras. Tuan Yang di-Pertua, itulah harapan saya bagi tidak mengelirukan rakyat sebagaimana yang saya katakan tadi rakyat hari ini memandang radio dan televisyen dan mass media yang lain itu seperti tempat pegangan mereka, apa sahaja yang dicakap oleh radio mereka percaya, apa sahaja yang disiarkan dalam televisyen mereka percaya.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun pihak Kementerian Penerangan saya percaya dari semasa ke semasa sentiasa berusaha untuk meniggikan lagi mutu-mutu siarannya yang bercorak hiburan atau yang bercorak siaran, yang bercorak pendidikan ataupun yang bercorak agama dan sebagainya, namun begitu masih ada lagi rancangan-rancangan itu yang boleh diperbaiki. Sebagai contoh umpamanya syarahan-syarahan rancangan agama, syarahan-syarahan agama yang saya ingat, yang saya tahu umpamanya seminggu sekali petang khamis malam Jumaat—macam petang ini; ada pensyarah-pensyarah agama di televisyen. Jadi kalaulah pihak RTM mengambil ataupun memangleil pensyarah-pensyarah ini, kalaulah pensyarah itu juga minggu ini, minggu hadapan muka itu juga, minggu satu lagi muka itu juga ini mungkin akan menemui pendengar. Kita tidak kurang ulama dalam Malaysia ini dan bagi

menarik, saya beri pandangan, agama ini biasanya kebanyakan orang cuba hendak lari. Sebagai contohnya kadang-kadang kalau kami di sebelah selatan sana sebab kami ada empat channel TV; dua channel dibayar dan dua channel lagi free. Dua channel free itu maksudnya siaran daripada Singapura, tidak payah bayar, keuntungan kami duduk di selatan. Biasanya kalau mutu syarahan itu tidak berapa molek atau di tengok muka ini sahaja bersyarah tiap-tiap minggu, diapun ubah Channel 5 atau ubah Channel 8 iaitu Singapura yang kebetulan pula pada masa itu tengah ditayangkan filem ataupun drama pop dan sebagainya. Tetapi dalam kajian saya sekali-sekala apabila pihak RTM agaknya pada masa itu wangpun da sedikit, panggillah pensyarah jemputan daripada luar negeri, umpamanya daripada Indonesia iaitu Professor Pak Hamka. Pernah satu masa saya sengaja berjalan di rumah jiran saya waktu syarahan agama itu diadakan yang mana Professor Pak Hamka tengah bersyarah. Boleh dikatakan tiap-tiap jiran saya membuka TV concentrate mendengar ucapan Pak Hamka. Begitu khusyuk mendengar ucapan. Pernah juga satu masa saya mengadakan penelitian bila pensyarah yang di-datangkan itu tidak berapa molek agaknya pada pandangan mereka, berjalan dari rumah ke rumah saya tengok ditukarnya, dicarinya stesyen Singapura yang lebih baik, lebih menarik.

Saya harap melalui Belanjawan yang akan datang pada tahun 1979 ini Kementerian Penerangan pun saya percaya, mendapat peruntukan yang banyak demi untuk menarik minat terutama sekali kita orang Islam, terutama golongan muda-mudi ini datangkanlah juga, kalau boleh, kalau tidak ada dalam negeri ini datangkan dari luar negeri, pensyarah-pensyarah agama yang benar-benar dapat menarik minat.

Sebagai contoh saya kata tadi bila Pak Hamka sahaja bersyarah di dalam TV tua muda semuanya berminat. Dengan nama Professor Hamka sudah cukup untuk menarik minat orang. Jadi saya harap benarlah pihak RTM akan mengambil berat dalam perkara ini.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan RTM ini, pada pendapat saya kadang-kadang ada cerita-cerita atau siaran-siaran yang bercorak hiburan seperti sandiwara

seumpamanya, pada pandangan saya seolah-olah ada sedikit terselit di dalamnya unsur-unsur penghinaan kepada agama Islam, kepada orang Melayu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya tidak habiskan ayat saya ini barangkali orang tidak faham dan mungkin mengelirukan. Ada pula RTM boleh menghina kesucian agama Islam. Saya harap pihak suratkhbar dengar habis-habis apa yang saya hendak cakapkan ini, kerana ini mungkin mengelirukan. Yang saya maksudkan, pada pandangan saya, selalu kedatangan apabila rancangan-rancangan di dalam TV yang cara hiburan terutama sekali sandiwara, drama dan sebagainya, saya sebagai orang Melayu, sebagai orang Islam merasa tersinggung sedikit sebabnya ini bukan kesilapan, saya percaya, dari pihak RTM cuma samada pihak RTM sedar atau tidak sedar. Ini tentulah sebab lakunan ini diadakan oleh badan-badan atau persatuan dan ada kalanya daripada pelakun-pelakun pihak RTM sendiri. Apa yang saya hendak sampaikan ini kadang-kadang terdapat dan selalu terdapat, bila ada peranan-peranan bodoh, peranan kampung, peranan orang kolot selalu digambarkan memakai songkok, memakai ketayap putih, pakai songkok macam saya ini, pakai baju kurung, kain sarung; jadi peranan orang bodoh. Jadi seolah-olah menggambarkan bila orang pakai songkok macam dalam TV, orang bodoh, macam saya ini. Samada pihak RTM sedar perkara ini atau tidak sedar perkara ini, itu saya tidak tahu. Tetapi perkara ini berlaku. Bila peranan yang macam ini diberi kepada orang-orang pakai songkok, ketayap putih. Nanti bila kita pakai ketayap putih, songkok, kita ini orang bodoh, macam mana yang dilakukan oleh pelakun-pelakun dalam RTM. Sebab saya katakan tadi TV ini memberi kesan psikologi yang kuat kepada penduduk atau orang yang megigitu kuat kepada penduduk atau orang yang memerhati.

Kadang-kadang satu filem yang kita tengok itu boleh kita ingat seminggu. Lakunan yang dibuat itu kadang-kadang orang-orang boleh ingat satu bulan. Jadi saya harap kesilapan ini bukan dilakukan oleh RTM saya percaya, cuma pihak yang meneliti rancangan-rancangan ini saya harap pada masa yang akan datang ini, periksa benar-benar jangan sampai ada unsur-unsur penghinaan. Ini yang saya minta. Saya minta dan saya harap jangan ada samada di dalam lakunan ataupun di dalam sebarang apa juga, jangan ada unsur yang

boleh menyinggung perasaan orang lain. Saya sebagai orang Islam, saya sebagai orang yang pakai songkok kadang-kadang tersinggung perasaan saya dan mungkin orang lain juga mungkin tersinggung perasaannya. Saya harap melalui Dewan yang mulia ini, di dalam drama-drama yang akan datang, ubahlah tektiknya sedikit, ubahlah caranya sedikit. Janganlah beri peranan seolah-olah macam menghina secara halus. Ini saya katakan seolah-olah menghina dengan secara halus kesucian Agama Islam dan kesucian penghormatan orang yang pakai songkok, ketayap putih dan sebagainya, secara halus.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, oleh kerana didapati Ahli Yang Berhormat telah mengambil masa yang panjang bercerita, kalau boleh, dipendekkan sedikit supaya dapat diberi peluang kepada orang lain bercakap.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bercakap panjang sedikit sebab hari semalam saya tengok agak liat sedikit orang hendak bangun. Sementara saudara-saudara saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bersedia, biarlah saya bawa sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi apabila memperkatakan berhubung dengan pembangunan, maka kita tidak harus melibatkan pembangunan di segi lain. Maksud saya di segi lain apabila kita menumpukan perhatian kita kepada pembangunan jasmaniah ataupun fizikal kita juga tidak harus melupakan pembangunan dari segi rohaniah ataupun metafizikal yang mana kedua-dua pembangunan ini sama pentingnya, di antara pembangunan jasmani dengan pembangunan rohani sama penting. Pembangunan jasmani yang kita lakukan ini boleh habis di dalam sekelip mata.

Kemajuan yang kita capai selama 21 tahun kita merdeka ini boleh habis dalam sekelip mata. Boleh jadi habu kalau kita tidak bangukan dari segi rohaniah. Maksud saya dari segi rohaniah ini ialah dari segi agama, dari segi akhlak, dari segi tata susila macam mana yang terdapat yang kita jadikan Rukunegara—kesopanan dan kesusilaan. Terutama sekali ketuhanan yang maha esa.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pada akhir-akhir ini kerosakan akhlak, keruntuhan akhlak, kejadian-kejadian maksiat makin menjadi-jadi. Kalau dahulu berlaku di

bandar-bandar dan bandar-bandaraya, hari ini sudah melarat sampai ke kampung-kampung dan desa-desa. Kalau dahulu dilakukan oleh orang-orang dewasa, hari ini melarat sampai kanak-kanak dan murid-murid sekolah. Dalam suratkhbar hari-hari tidak ada cerita lain, selain daripada berita luar negeri, berita dalam negeri, rogol sana, rogol sini. Pak tiri rogol anak tiri, macam-macam.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun agama ini umpamanya adalah kewajipan seseorang itu secara individu mengerjakannya samada apa juga agama, agama Hindu, Buddha, Kristian lebih-lebih lagi agama Islam, kewajipan secara individu mengerjakannya. Tetapi samada secara langsung atau tidak langsung Kerajaan yang wujud pada hari ini, pemerintahan yang wujud hari ini secara langsung atau tidak langsung bertanggungjawab menentukan kesempurnaan perjalanan ajaran agama Islam. Samada kita Ahli-ahli Yang Berhormat hari ini bertanggungjawab menentukan dan menghormati agama Islam ini, samada Ahli-ahli Yang Berhormat itu beragama Islam atau bukan beragama Islam, secara langsung atau tidak langsung, adalah bertanggungjawab menghormati kesucian agama Islam, sebab agama Islam telah menjadi agama rasmi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, apapun juga agama dalam dunia ini samada agama dahulu atau sekarang, semua agama adalah mengajar penganut-penganutnya supaya berbuat baik. Belum ada saya terjumpa satu ajaran agama pun yang menyuruh penganutnya berbuat jahat—tidak ada. Semua agama menyeru penganut atau pengikutnya berbuat baik, lebih-lebih lagi kita agama Islam. Kalau umpamanya ada perintah-perintah supaya berperang, supaya berbunuh, ini adalah perintah Tuhan, perintah Allah yang menjadikan kita dan memerintahkan kita, dan kadang-kadang kita tidak diberitahu hikmatnya. Apa sebab kita disuruh berperang, membunuh, kita sendiri kadang-kadang lemah memikirkan tidak tahu hikmatnya.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya maksudkan di sini, saya bimbang sebagaimana saya katakan tadi pembangunan jasmani yang kita lakukan selama ini akan hapus dalam sekelip mata, kalau kita tidak sertakan dengan pembangunan rohaniah. Izinkan saya

membaca sepotong ayat Quran, kalau diizinkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Arab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya ingat tidak payahlah Yang Berhormat—saya beri 3 minit lagi, tolong tamatkan.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: 5 minit.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Yusof bin Malim Kuning: Terima kasih. 5 minit pun sudah banyak. Yang saya hendak bawa di sini umpamanya, izinkan saya membaca sepotong ayat Quran "Iza aradna an nohlikal qura pamarna mutrafiha papasqu piha padamarnhu tadmira". Ini amaran Tuhan, maksudnya apabila kami, kata Allah hendak membinasakan atau menghancurkan satu-satu negara atau satu-satu kaum itu, orang-orang yang hidupnya lumayan, orang-orang yang mewah, dia membuat sesuka hatinya sebab dia ada wang, sebab dia ada kuasa, maka balasannya "Padamarn hutadmira." Tuhan akan hancurkan negara itu sehancur-hancurnya. Maka ini sedang berlaku sekarang samada kita sedari atau tidak sedari jadi apa maksud saya di sini kerana apabila Tuhan menghancurkan negara ini sebagaimana sabda Rasullullah s.w.t. izinkan saya membaca dalam bahasa Arab "Albalau yaumu" bila Tuhan menurunkan bala itu umum, tidak ada kira orang yang saleh atau yang tidak saleh, lain orang yang buat, kita pun kena juga, lain orang makan angka, kita pun kena getahnya juga. Begitulah caranya Tuhan menurunkan bala. Jadi sebelum sampai bala Tuhan itu, kita sekarang telah diberi kuasa oleh rakyat untuk mentadbir, untuk menentu dan memastikan bahawa ajaran agama Islam ini berjalan dengan baik di dalam negara kita ini.

Saya cadangkan di sini kita telah belanjakan wang dengan begitu banyak dalam Belanjawan yang lalu, membina masjid, surau dan sebagainya. Tetapi setengah-setengah masjid, kecuali Masjid Jamek di Kuala Lumpur, di setengah-setengah Masjid Jamek yang kita telah belanjakan wang beratus-ratus ribu hanya menjadi perhiasan bandar dan kadang-kadang menjadi lawatan dua kali setahun iaitu Sembahyang Hari Raya Haji dan Sembahyang Hari Raya Puasa. Selain daripada itu lawatan seminggu sekali sembahyang Jumaat, selepas sembahyang

Jumaat kosong. Saya mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini supaya Jabatan Perdana Menteri memberi peruntukan kepada guru-guru agama khas, jangan serah kepada imam mengajar, lantik guru khas yang diberi peruntukan khas dengan gaji yang khas supaya menjadi guru dalam masjid-masjid yang cantik-cantik yang telah kita bina selama ini, tidak jadi kosong belaka.

Selain daripada itu salah satu cara bagi menentukan perjalanan agama, saya menyerulah dalam Dewan yang mulia ini kalau dahulu sekolah aliran Tamil kita ambil alih, sekolah aliran China kita ambil alih, sekolah aliran Inggeris kita ambil alih, tetapi sayang sekolah aliran Arab tidak diambil alih. Masih banyak lagi hari ini sekolah-sekolah rakyat yang menderita hidupnya, hidup segan mati tak mahu yang dibiayai dan dibelanjakan oleh murid-murid itu sendiri membayar yuran, ada sebahagian kecil diambil alih oleh Kerajaan-kerajaan Negeri tetapi tidak cukup, masih banyak lagi. Jadi saya harap banyak pemimpin-pemimpin kebangsaan kita samada yang lepas, atau yang ada sekarang yang berkelulusan, yang telah dapat pendidikan asas daripada sekolah-sekolah rakyat ini termasuk saya sendiri yang berasal daripada pendidikan sekolah rakyat dan banyak pemimpin kebangsaan kita yang lain mendapat pendidikan asas daripada sekolah rakyat ini. Tetapi sehingga hari ini, saya hairan mengapa pihak Kerajaan masih belum lagi dapat mengambil alih kebanyakan sekolah-sekolah rakyat ini. Saya harap pihak Kerajaan melalui Dewan yang mulia ini dalam Belanjawan yang akan datang, berilah pertimbangan, berilah perhatian, kalau perlu ambil alih semua sekolah-sekolah rakyat tadi.

Untuk membolehkan saudara-saudara saya yang lain mengambil bahagian dan bagi menghormati Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberi saya masa 5 minit, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih.

4.56 ptg.

Dr Hee Tien Lai (Ayer Hitam): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan satu Belanjawan yang realistik dan sihat. Saya katakan sihat dalam makna yang luas kerana dengan pengurangan cukai impot atas buah-buahan impot

adalah diharapkan lebih orang ramai daripada semua kalangan rakyat akan menikmati buah-buahan impot yang mereka sangat sukai dan memanglah benar kata perumpamaan Inggeris, izinkan saya membacakan: An apple a day keeps the doctor away. Tetapi amatlah tidak bertuah dan saya berasa dikecewakan pada pagi ini yang diumumkan di dalam suratkhbar tempatan kita bahawa harga suratkhbar akan naik 5 sen mulai 1hb November tahun ini.

Daripada sebab-sebab yang diberikan oleh pihak Persatuan Suratkhbar nampaknya adalah adil dan serdahana, tetapi dari segi orang ramai harga suratkhbar makin hari makin mahal. Saya merasa trend ini adalah kurang sihat kerana orang-orang akan kurang membaca suratkhbar disebabkan harganya mahal. Jika sekiranya harga suratkhbar terus meningkat kepada harga biasa untuk majalah seumpamanya, saya kluatir pada satu hari orang yang dalam kumpulan pendapatan yang rendah barangkali tidak mampu membeli suratkhbar dan akan deprive mereka satu punca penerangan yang berguna dan penting.

Saya tidak faham mengapa pihak Persatuan Suratkhbar mengumumkan kenaikan harga suratkhbar terus-menerus selepas Ucapan Belanjawan, oleh kerana kelakuan ini merupakan satu anti-climax kerana essence Belanjawan tahun 1979 adalah untuk membawa kegembiraan dan kesenangan kepada rakyat jelata pada keseluruhannya.

Sebenarnya, Tuan Speaker, kertas percetakan (printing papers) dan tulisan tidak dicukai langsung. Negara kita adalah sebuah negara yang berbilang bangsa, sebab itu kita mengadakan suratkhbar dalam bahasa Melayu, bahasa China, bahasa Tamil dan Inggeris untuk faedah semua kaum rakyat. Malangnya perkara ini telah membangkitkan perbezaan dari segi ketegasan atas kepentingan terhadap satu kaum lain dari yang lain. Umpamanya suratkhbar Melayu akan menerbitkan (publish) perkara-perkara yang lebih minat atau penting kepada kaum orang Melayu, serupanya suratkhbar China dan suratkhbar Tamil adalah cenderung terhadap bahan-bahan yang minat dan disukai oleh kaum China dan kaum Tamil. Sebagai contoh, di kalangan sukan kita tahu Bola Keranjang (Basketball) adalah satu permainan yang disukai oleh orang China dan setiap kali pertandingan kebangsaan negara kita dapat

dipublicise dalam suratkhbar China dengan besarnya tetapi malangnya dalam suratkhbar bahasa Melayu atau India oleh kerana orang Melayu dan India tidak minat atas permainan ini nampaknya kadan-kadang tidak ada langsung publicity. Dari segi kebudayaan kita tahu kebudayaan seperti hiburan tarian singa jarang dapat publicity dalam suratkhbar Melayu atau India, sebaliknya musik tradisional Melayu tidak dapat publicity dalam suratkhbar China dan lain-lain. Atas pencapaian pelajar-pelajar juga, saya ingin beri satu contoh yang jelas seperti peperiksaan MCE, SRP dan lain-lain yang mana murid-murid yang dapat keputusan yang cemerlang daripada golongan China, budak itu dapat publicity yang besar dalam suratkhbar China. Kalau budak itu daripada golongan orang Melayu, budak itu dapat publicity yang besar dalam suratkhbar Melayu dan kalau budak itu adalah datang dari golongan Tamil, suratkhbar Tamil akan beri penerbitan yang besar.

Tuan Speaker, saya rasa sikap (tendency) yang begitu tidak membina dan tidak berfaedah kepada negara kita dan dari segi pembangunan negara dan perpaduan rakyat kita. Saya merasakan suratkhbar kita harus memainkan peranan yang lebih positif dan patutlah memberi lebih sumbangan atas peranan yang penting sekali, iaitu ialah melalui suratkhbar kita dapat membentuk sebuah negara yang mana rakyatnya betul-betul diberikan penerangan yang membina thought-inspiring dan tepat.

Tuan Speaker, saya suka mencadangkan di sini bahawa kita mengadakan satu dasar perakhbaran (press policy) yang boleh diterima oleh semua pihak dan yang benar-benar mencerminkan keperluan dan cita-cita rakyat kita pada keseluruhannya dan bukan untuk satu kaum Melayu, China atau India sahaja.

Perkara yang kedua iaitu mengenai satu perkara yang telah dibangkitkan oleh rakan saya yang datang dari Ulu Trengganu pada minggu lepas yang mana beliau telah menyatakan bahawa pada masa akan datang calon-calon untuk pilihanraya patutlah diberikan ujian bahasa Malaysia dan kalau tidak silap saya beliau telah mengatakan kalau mereka tidak dapat kelulusan bahasa Malaysia mereka tidak layak menjadi seorang Wakil Rakyat.

Tuan Speaker, saya tidak boleh bersetuju dengan sepenuh-penuhnya kenyataan rakan saya oleh kerana seorang Wakil Rakyat adalah dipilih oleh rakyat. Wakil Rakyat itu telah dipilih oleh kerana rakyat adalah meletakkan kepercayaan dan keyakinan kepada beliau dan kalau tidak silap saya calon-calon daripada parti Barisan Nasional adalah dipilih oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sebagai Ketua Parti Barisan Nasional. Saya fikir adalah patut diberikan masa kepada semua Wakil-wakil Rakyat yang tidak pandai, tidak dapat bertutur dalam bahasa Malaysia dan kalau tidak silap saya majority daripada calon-calon Barisan Nasional adalah orang yang berkaliber. Dengan memberikan masa kepada mereka saya percaya dan penuh yakin bahawa mereka akan dapat bertutur dengan berkesannya dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Speaker, berkenaan penggunaan bahasa Inggeris kita tidak boleh nafikan bahawa pada masa sekarang dan pada masa yang akan datang bahasa Inggeris akan dan memang memainkan peranan yang penting dalam masyarakat kita. Kita tahu bahasa Malaysia adalah bahasa rasmi kita tetapi kita tidak nafikan bahawa bahasa Inggeris adalah satu bahasa Science. Menurut satu kenyataan seorang professor daripada sebuah universiti tempatan kita katanya di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, 90% buku-buku dalam perpustakaan itu adalah dalam bahasa Inggeris. Kalau pelajar-pelajar kita tidak cerdik, tidak pandai menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (second language), bagaimanakah kita akan tap knowledge daripada this store house of knowledge. Pada pengalaman saya sendiri sebagai wakil Parlimen pada masa saya melawat Canada pada tahun lepas dengan beberapa Wakil Rakyat daripada peringkat Parlimen dan peringkat Negeri, kalau tidak silap saya termasuk Tuan Speaker kita juga, saya telah berpengalaman bahawa oleh kerana setengah-setengah—walaupun sebilangan kecil sahaja—Wakil-wakil Rakyat daripada perwakilan kita tidak memahami bahasa Inggeris, sebab itu mereka tidak dapat memainkan peranan yang berguna dalam persidangan Parlimen di Canada. Saya bersimpati dengan pihak mereka oleh kerana mereka tidak dapat menekankan bahasa Inggeris mereka tidak dapat mengambil

bahagian dalam perbahasan di Ottawa, Canada saya fikir ini adalah satu perkara yang sedih.

Perkara yang ketiga, Tuan Speaker, berkenaan Laporan Parlimen oleh RTM yang sedang ada pada setiap malam pada masa sekarang. Walaupun masa untuk Laporan Parlimen adalah pendek, selama 19 minit sahaja tetapi masa ini adalah penting sangat untuk rakyat kita. Di sini saya merayu kepada pihak Kementerian kalau boleh masukkanlah Laporan Parlimen dalam bahasa China dan dalam bahasa Tamil oleh kerana pada masa sekarang adalah sebahagian besar penduduk-penduduk kita yang belum memahami benar-benar Bahasa Malaysia. Saya percaya pengundi-pengundi memanglah berbangga atas wakil-wakil mereka yang mereka ingin tahu atau ingin mengikuti kegiatan-kegiatan mereka di dalam Dewan yang mulia ini. Saya fikir dengan penggunaan bahasa Mandarin, bahasa Tamil lebih banyak daripada penduduk-penduduk kita akan menikmati aktiviti-aktiviti Parlimen dalam negara kita khasnya masa sekarang yang rakyat kita bertambah enthusiasms kerana TV berwarna akan datang dalam tempoh dua bulan.

Satu perkara lagi iaitu berkenaan dengan kawasan saya sendiri. Di sini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dalam tahun 1976, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah meluluskan satu peruntukan sebanyak \$1 juta untuk memajukan pekan Air Hitam supaya pekan ini mendapatkan satu kompleks pelancungan. Perkara ini saya telah bangkitkan di dalam persidangan Parlimen pada bulan November, 1974 tetapi malangnya walaupun pihak Kerajaan Negeri telah meluluskan projek ini melalui Perbadanan Kemajuan Negeri Johor, tetapi peruntukan sehingga hari ini belum sampai kepada Kerajaan Negeri. Saya sebagai Wakil Rakyat merayu kepada pihak Kementerian Kewangan supaya segerakan projek ini oleh kerana pekan Air Hitam adalah satu central point di Johor yang mana banyak pelancung-pelancung datang daripada Singapura dan luar negeri terpaksa pergi melalui Air Hitam ke utara negara kita dan pada masa sekarang Air Hitam adalah satu pekan yang kotor dan sempit kerana kenderaan yang berat itu pekan ini telah menjadi satu "slum" dalam bahasa Inggerisnya.

Akhirnya, saya menyokong sepenuhnya atas apa yang telah disebutkan oleh rakan saya dari Panti yang mana beliau telah merayu kepada pihak Kementerian, janganlah isytiharkan projek-projek yang sebenarnya projek itu belum dapat diselesaikan atas butir-butir planning dan sebagainya, oleh kerana saya juga mengalami satu perkara seumpama ini di kawasan saya yang mana bekas Menteri Kesihatan telah berjanji dengan rakyat di situ yang mana pihak Kementerian Kesihatan akan membina sebuah Pusat Kesihatan di pekan Air Hitam, tetapi malangnya kita belum nampak apa-apa terdapat di Air Hitam dan saya sekali lagi sebagai Wakil Rakyat merayu kepada Kementerian Kesihatan supaya menimbangkan kehendak-kehendak sebuah Pusat Kesihatan di pekan Air Hitam.

5.14 ptg.

Tuan Lee Kaw (Keluang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Ucapan Belanjawan tahun 1979 oleh Menteri Kewangan.

Tuan Speaker, Yang Berhormat Menteri Kewangan ada berkata bahawa Kerajaan adalah berikrar untuk menunaikan pandangan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbahagia bersatu-padu dan kuat. Beliau juga berkata bahawa keutamaan yang besar ialah untuk membasmi kemiskinan, mengurangkan pengangguran dan meneruskan proses penyusunan semula masyarakat kita, keutamaan untuk memelihara keselamatan negara dan undang-undang serta order.

Tuan Speaker, memang pandangan Yang Berhormat Menteri Kewangan serta keutamaan-keutamaan yang digariskan ini adalah boleh diterima. Tetapi saya memeriksa cara-cara yang digariskan untuk bertujuan mencapai matlamatnya. Apa yang penting ialah sejauh manakah matlamat-matlamat ini akan dicapai. Saya berharap supaya cara-cara ini adil dan perlu juga dilihat adil oleh setiap rakyat Malaysia.

Tuan Speaker, berkenaan dengan pinjaman, sebahagian daripada peruntukan Belanjawan sebanyak \$13,570 juta \$4,470 juta ialah terdiri dari simpanan dan pinjaman. Ini adalah bererti bahawa kita membelanjakan sebanyak 49% daripada pendapatan yang dianggarkan.

Apakah maksudnya ini? Ini adalah bererti bahawa kita meminjam \$1 dari \$3 yang kita belanja. Adakah ini bererti pengurusan ekonomi yang baik? Saya perlu tegaskan bahawa ini tidak. Dalam tahun 1978 angkanya adalah dianggarkan 29%. Dalam tahun 1978 pinjaman adalah berjumlah 10% daripada jumlah perbelanjaan dan merupakan 16% daripada perbelanjaan mengurus. Adakah ini yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan yang meminta kita semuanya percaya bahawa nilai asset dicipta melalui pinjaman ini akan jauh melebihi jumlah yang dipinjam. Berapakah lamanya proses ini memakan masa? Apa asas pernilaiannya? Asset boleh dinilai pada mana-mana satu peringkat, tetapi adakah ini wajar dan betul? Kita perlu ingat bahawa kadar deficit ini adalah bergantung kepada tinjauan semula pertengahan. Selepas tinjauan ini deficit yang dianggarkan ini tentu akan meningkat. Ini adalah sangat mengkhawatirkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pandangan dan cadangan saya terhadap Belanjawan ini sebenarnya kita tidak ada apa-apa niat yang jahat. Bahawa ini haruslah lebih konservatif. Pada hemat saya ini haruslah berhati-hati dan berjimat. Saya memang bersetuju bahawa kita perlu dari semasa ke semasa untuk bergantung kepada pinjaman dan simpanan untuk memenuhi permintaan pembangunan kita.

Tuan Yang di-Pertua, kadar 49% yang sedang dicabarkan ini adalah sangat me-runsingkan. Penyusunan semula ekonomi telah dijalankan dengan memihak sebelah dan tidak seorang pun akan berwasangka bahawa kemiskinan telah diturunkan to some extent. Ini adalah memberatkan sebelah pihak sahaja tetapi kita janganlah lupa bahawa orang-orang yang miskin di luar payung penyusunan ini sedang berada di luar payung penyusunan, ini sedang menurun ke arah kemiskinan dan bilangannya kian meningkat. Apabila mereka tidak dapat menikmati sebahagian daripada kek nasional ini, bolehkah kita berhak untuk mentadbirkan nasibnya, ini boleh dilalaikan. Ini akan merupakan satu tindakan yang bertentangan dengan masyarakat kita jika kita melalaikan mereka sabagai satu kematian ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah memperuntukkan satu Belanjawan yang berjumlah \$559 juta

untuk tujuan menyusun masyarakat ini. Sebahagian daripada \$1,943 juta yang diperuntukkan untuk Belanjawan ini dan berapakah daripadanya untuk penyusunan. Juga biasiswa dan pinjaman-pinjaman kerana ianya mempunyai syarat-syarat khasnya. Tidakkah boleh Yang Berhormat Menteri Kewangan memberitahu Dewan ini bahawa berapa peratuskah daripada \$13,570 juta ini untuk penyusunan semula.

Saya adalah menyeru supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan dapat mempertimbangkan semua kemiskinan tanpa mengira kaumnya. Kita juga melibatkan golongan yang miskin ini tanpa mengira siapa pun supaya keperluan-keperluan asas seperti pakaian, pelajaran, makanan dan perlindungan dapat disediakan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tentu ini adalah merupakan satu idea yang teragud dan juga dilaksanakan dengan sewajarnya. Untuk menciptakan assets ini di mana assets ini akan jauh melebihi nilai jika dibandingkan dengan jumlah pinjaman yang kita pinjam pada mulanya.

Beberapa badan dan agensi Kerajaan atau semi-Kerajaan telah diperuntukkan perbelanjaan yang besar tetapi lain pula yang dibelanjakan dengan cara-cara yang tidak ditentukan terlebih dahulu. Peruntukan tambahan dan pengurusan kewangan adalah dicatitkan pada satu jarak yang agak jauh. Sebenarnya motif-motif keuntungan dan konsep free enterprises adalah harus sentiasa berdasarkan untuk menciptakan kekayaan semata-mata melalui pinjaman atau simpanan. Siapakah yang akan menjadi audit pengurusan team ini dan siapakah yang akan bertanggungjawab terhadap team ini?

Saya ingin sekali mencadangkan bahawa team ini perlu dianggotai dengan ahli-ahli professional, pegawai yang sesuai seperti akauntan, ahli ekonomi, pengurus-pengurus dan lain-lain. Bolehkah saya mencadangkan bahawa badan ini haruslah bertanggungjawab secara terus terhadap Dewan Rakyat ini tetapi bukanlah bertanggungjawab terhadap seorang ketua agensi Kerajaan dan perbadanan Kerajaan supaya mengelakkan mereka menjadi harimau-harimau kertas? Lapuran daripada team pengurusan audit ini haruslah dibentangkan kepada Dewan dan terus kepada orang ramai amnya.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun perniagaan antarabangsa ini adalah sedang merosot dan pemulihannya tidak boleh diharapkan dalam masa hadapan yang dekat ini.

Pada hakikatnya ekonomi dunia akan menjadi baik untuk mempertahankan level 1978. Saya percaya bahawa ini adalah tidak mungkin dan mustahil. Dengan pandangan ini kita cuba meminjam 49% daripada pendapatan ini.

Saya memang bersetuju bahawa nilai credit Malaysia adalah baik jika dibandingkan kepada negeri-negeri yang sedang membangun. Kita janganlah lupa bahawa kadar pinjaman janganlah dinaikkan dengan sesuka hati sahaja. Umpamanya, 29% pada tahun 1978 dan 49% pada tahun 1979. Saya berpendapat bahawa negara kita harus membelanjakan perbelanjaan mengurus dengan tidak sewajarnya pada debt servicing. Proposal pada tahun 1978 adalah dianggarkan 16% tetapi bagaimana pada tahun 1979 dengan kenaikan kos debt servicing ini maka tekanannya akan kian meningkat. Dengan adanya negara-negara yang demikian bekalan wangnya tanpa mempertimbangkan soal productivity, itulah sebabnya mungkin kita akan berada dalam satu keadaan inflasi di mana terlalu banyak wang untuk mengejar barang-barang yang kurang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, tak usahlah bagi saya berkata di sini bahawa kita tidak akan dapat memperbaiki pembahagian pendapatan kita dalam lengkungan harga-harga yang stabil. Siapakah yang akan mengalami kerugian. Saya akan berkata ialah orang yang miskin dan bergaji tetap.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perniagaan kita membangun dengan melalui pinjaman, di manakah kita hendak jual barang-barang dan perkhidmatan kita dalam satu keadaan ekonomi dunia yang merosot. Tentu kian ramai negara-negara akan berpeluang baik untuk mengadakan protectionnya, bagaimana nasib kita pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan berkata ekonomi kita akan berkembang pada . . . (*Ketawa*) . . . berkembang

Tuan Yang di-Pertua: Asal mencuba tak apa, salah sedikit tak apa.

Tuan Lee Kaw: Berkembang pada kadar 7.2% dan inflasi akan dikawal dalam lengkungan 5%. Bolehkah kita mengawal inflasi kita pada kadar 5% bila bekalan wang akan meningkat ke 20%.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelaburan swasta dan awam seharusnya dikembangkan dan dicepatkan supaya kekayaan negara kita dapat dicepatkan. Di samping itu untuk menyediakan peluang pekerjaan supaya kemiskinan boleh dikikiskan khasnya yang berlaku di perbandaran.

Tuan Yang di-Pertua: Di bandar mana?

Tuan Lee Kaw: Di perbandaran.

Tuan Yang di-Pertua: Buat silap tak apa, asalkan cuba bercakap.

Tuan Lee Kaw: Maaf, Tuan Yang di-Pertua, tongue-tied, susah sedikit (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Lepaskan tied itu, jangan diikatkan.

Tuan Lee Kaw: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pelaburan awam adalah selalunya diwarnakan dengan motif politik dan pertimbangan ekonomi dijadikan pertimbangan yang kedua. Saya boleh beri contoh, sebelum pilihanraya di kawasan saya Kerajaan mencadangkan projek-projek di kawasan saya seperti membina jalan, beri wang kepada sekolah. Selepas pilihanraya, result sudah diumumkan, jalan-jalan yang dibina setengah telah diberhentikan, batu-batu dan jentera diangkat balik (*Ketawa*). Sampai hari ini jalan itu baru dibina separuh sahaja. Lagi satu contoh mengenai tanah. Selepas pilihanraya semua orang yang memohon tanah ini ditolak. Hospital yang sebelum pilihanraya pakar-pakar ada di hospital, selepas pilihanraya pakar-pakar ditarik ke tempat lain. Seperti saya katakan tadi motif politik, bukan untuk rakyat. Disebabkan kekurangan rasa "urgency" dan "drive" inilah telah mengakibatkan productivity dan kecapaian yang rendah. Kerajaan tidak seharusnya jadi sebuah badan kebajikan untuk meringankan beban penduduk yang besar ini, tetapi lain-lain usaha pun perlu ditimbang. Oleh yang demikian wang rakyat tidak seharusnya dilaburkan untuk tujuan politik. Saya ingin

sekali lagi bertanya bahawa adakah mana-mana satu badan Kerajaan ataupun semua Kerajaan di mana perniagaan-perniagaan yang boleh dikatakan berjaya, jika dibandingkan dengan sektor swasta dengan asas yang sama, baik dari segi saiz capital, pekerjaan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan swasta hanya boleh digalakkan untuk mengadakan suasana yang conducive untuk pelaburan dan untung. Pengurusan tidak mahu campurtangan, pengurusan tentu mahu keuntungan daripada pelaburan yang dicepatkan. Pihak pengurusan tidak wajar dan harus diajar untuk menjalankan perniagaan dan urusannya atau diajar untuk melatih siapakah yang menjadi pengurus, penyelia dan lain-lain lagi. Pada umumnya pihak pengurusan sedia untuk menerima penyertaan yang equiti, kedudukan ini seharusnya tidak bererti pengurusan dipandu (*guided-management*).

Pengurusan harus diizinkan mengurus urusannya tanpa apa-apa campur tangan. Sektor perkilangan perlulah dilaksanakan. Dalam aspek ini saya welcome 25% elaun untuk reinvestment dan elaun cukai yang diumumkan atas minyak kelapa sawit.

Saya juga mengucapkan tahniah atas 50% kredit cukai pelaburan atas perbelanjaan capital untuk pengeluaran makanan yang diumumkan. Tetapi kesalnya juga bahawa kelulusan elaun reinvestment ini adalah tertakluk kepada kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya hendak mencadangkan bahawa override ini diliftnkan dan kadarnya haruslah 100% dipanjangkan kepada semua sektor perkilangan. Syarikat-syarikat adalah perlu diberikan pilihan untuk write-off perbelanjaan capitalnya yang katanya tiga tahun untuk mengurangkan keuntungan itu, dividend, reinvestment, pekerjaan dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun \$1,200 seekar untuk menanam semula adalah sangat menggalakkan tetapi cukai eksport tidak ditengok semula khasnya harga getah sekarang ini adalah tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, one-stop agency adalah merupakan satu idea yang baik dan jika ianya dapat dikemukakan lebih awal adalah lebih baik lagi. Dan juga jika hapuskan atas 'bureaucracy red tape' ini dapat dipanjangkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan yang lain juga tentulah lebih baik lagi.

Akhirnya sungguhpun beberapa langkah telah diumumkan untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pelaburan kepada one-step agency tetapi yang mustahak sekali ialah campurtangan tidak seharusnya digunakan atas pengurusan swasta, jika kita semua mahu melihat pelaburan swasta digiatkan. Tuan Yang di-Pertua, anggaran belanjawan ini ada faedahnya untuk sebahagian middle class sahaja tetapi ramai orang yang tidak dapat faedahnya. Cukai-cukai yang diturunkan ini berfaedah kepada orang yang ada wang seperti orang-orang yang ada kelapa sawit, orang-orang yang ada tanah. Dalam Malaysia selepas 21 tahun merdeka ramai lagi orang yang tidak dapat tanah. Di Johor misalnya, tanah yang luas diberikan kepada syarikat-syarikat besar sahaja, syarikat-syarikat yang orangnya tinggal di luar negeri iaitu Singapura tetapi orang Johor hendak minta tanah tidak diluluskan. Kerajaan mestilah bersikap "for the people by the people".

Tuan Yang di-Pertua: Apa maknanya itu?
Tidak minta izin lagi.

Tuan Lee Kaw: Untuk rakyat, oleh rakyat. Minta izin, "for the people by the people". Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kerajaan yang memerintah sekarang ini janganlah lupa orang-orang yang miskin.

5.45 ptg.

Tuan Mohamed Khir Johari (Kuala Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan ucapan saya ini dengan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di atas Budget Strategy tahun 1979 yang bertujuan untuk menstabilkan dan meninggikan taraf ekonomi Malaysia dan untuk memperbaiki taraf pembahagian pendapatan di dalam situasi kestabilan harga barang-barang.

Berucap bagi pihak pekebun-pekebun kecil getah di kawasan saya dan mungkin di seluruh negara, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan kerana menambahkan peruntukan tanam semula dari \$900 ke \$1,200 satu ekar pekebun kecil yang mempunyai 10 ekar dan ke bawah dan untuk 1979 peruntukan sebanyak \$40 juta telah dicadangkan untuk tujuan tersebut.

Jelaslah bahawa tujuan Kerajaan di dalam mengadakan peruntukan ini ialah untuk meninggikan taraf ekonomi di kalangan

pekebun-pekebun kecil getah dan juga memperbaiki pembahagian pendapatan. Tetapi saya masih ragu-ragu samada tujuan tersebut dapat dicapai sepenuhnya.

Pertama, selain daripada penanaman getah baru di dalam sekim-sekim anjuran Kerajaan, pertukaran daripada penanaman getah ke tanaman-tanaman lain jelas kelihatan di pihak swasta, besar atau kecil. Keadaan ini berjalan walaupun harga getah boleh dikatakan memuaskan dalam tahun-tahun ke belakangan ini.

Kedua, cukai eksport yang ada sekarang merupakan satu bebanan besar kepada pengeluar getah, terutama kepada pekebun-pekebun kecil.

Ini dapat dilihat sekarang di mana pendapatan seorang pekebun kecil adalah di-cukai melalui cukai eksport walaupun yang sebenarnya ia tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai atau chargeable income. Ini berbeza dengan seorang yang makan gaji yang mempunyai pendapatan yang lebih tinggi daripada seorang pekebun kecil tetapi tidak membayar apa-apa cukai selagi ia tidak mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai.

Misalan, pada tiap-tiap satu paun getah yang katalah berharga \$1 pada satu paun cukai eksport yang dikenakan ialah 19.5 sen. Selain dari itu, ia mesti membayar berbagai-bagai "cess" dalam lingkungan 5.5 sen. Mengikut anggaran kasar belanja processing, alat perkakas untuk menanam dan bayaran untuk pemasaran semuanya berjumlah lebih kurang 20.6 sen. Seorang pekebun kecil, setelah dikenakan bayaran di atas dan juga 5.5 sen "cess" hanyalah tinggal kepadanya sebanyak 73.9 sen. Dalam lain perkataan, 19.5 sen cukai ke atas 73.9 sen bermakna seorang pekebun kecil itu dikenakan 26% cukai.

Bagi seorang yang makan gaji, ia hanya akan dimestikan bayar cukai pendapatan sebanyak 26% bila ia mempunyai pendapatan yang boleh dikenakan cukai sebanyak \$40,000 ataupun ia mempunyai jumlah pendapatan melebihi \$45,000 atau pun ia mempunyai gaji sebanyak \$3,750 pada satu bulan. Dari apa yang saya tahu, tidak banyak pekebun kecil yang dapat pendapatan sebanyak itu. Jadi tidaklah adil untuk para pekebun kecil dikenakan cukai sebanyak 26% itu.

Memandangkan hal yang tersebut di atas, jelaslah kepada kita bahawa struktur cukai eksport yang ada sekarang patutlah dikaji semula dengan secepat mungkin dan satu sistem baru mestilah diikhtiarkan di mana bebanan cukai ke atas pekebun-pekebun kecil dan ke atas perusahaan getah keseluruhannya dapat diringkankan. Dengan cara ini ia akan merupakan satu galakan kepada perusahaan getah dan juga satu cara untuk memperbaiki pembahagian pendapatan.

Walaupun Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mencadangkan beberapa cukai konsesi yang berjumlah \$51.3 juta, tetapi cukai pendapatan ke atas syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan masih terlalu tinggi dan dengan sendirinya ini akan menjauhkan penanaman modal dan juga pengambilan risiko. Malah jika di campur dengan Cukai Keuntungan Melebihi (Excess Profit Tax) dan Cukai Pembangunan (Development Tax) kita di Malaysia adalah termasuk dalam golongan satu daripada negara yang tertinggi cukai di dalam dunia ini.

Kelonggaran Persendirian (Personal Relief) yang diberi 30 tahun dahulu, di mana inflasi tidak wujud, adalah lebih baik dan menguntungkan jika dibandingkan dengan sekarang. Lagipun, dalam sistem cukai sekarang tidak ada kelonggaran untuk "dependant parents" diperuntukkan seperti mana dijalankan disetengah-setengah negeri di Asia ini.

Memandangkan sistem cukai yang terlalu tinggi, adalah mustahil bagi kita untuk menarik penanam modal dari negeri Arab misalnya kerana mereka di sana dikenakan cukai yang amat rendah dan kadangkala mereka itu tidak membayar apa-apa cukai sekalipun.

Kelonggaran atau relief perseorangan ke atas kanak-kanak yang dicadangkan akan lebih elok kalau ia lebih tinggi lagi dan diutamakan hanya kepada anak pertama hingga kedua atau ketiga tetapi bukan hingga kepada anak kelima ataupun keenam. Ini barulah pada fikiran saya akan sejajar dengan cita-cita Kerajaan melalui merancang keluarga untuk melahirkan keluarga yang kecil dan dapat dikelolakan. Barangkali ini adalah akibat nasib kita mempunyai seorang Menteri Kewangan yang bujang (*Ketawa*).

Saya percaya di dalam dailog Menteri Kewangan dengan para wakil daripada pihak swasta, banyak cadangan telah diutarakan kepada beliau. Adalah menjadi harapan saya supaya Yang Berhormat Menteri itu akan mengkaji semua cadangan-cadangan yang diberikan secara serius kerana memandangkan cadangan-cadangan itu bertujuan untuk menggalak tanaman modal daripada pihak swasta. Selagi ini tidak dilakukan, cita-cita kita yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak akan tercapai.

Saya bersama-sama dengan yang lain menyambut baik elaun Reinvestment dan juga insentif ke atas perusahaan perkapalan dan perusahaan makanan.

Mengenai elaun Reinvestment, saya rasa 25 peratus elaun yang dicadangkan patutlah dinaikkan kepada angka yang lebih menarik. Tetapi apa yang lebih mustahak pada fikiran saya ialah jangan ada terlalu banyak halangan untuk mendapatkan insentif ini, kalau tidak ia hanya akan mensia-siakan sahaja semua kegunaan dan faedah daripadanya.

Mengenai insentif ke atas perusahaan makanan, saya rasa insentif-insentif itu sangatlah berpatutan memandangkan 16 peratus daripada jumlah impot kita ialah terdiri daripada bahan-bahan makanan. Walau bagaimanapun, samada insentif-insentif ini akan meninggikan perusahaan makanan bergantung ke atas dua faktor yang utama :

Pertama, butir-butir mengenai insentif-insentif ini yang akan diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian.

Yang kedua, adanya tanah untuk menanam tanaman-tanaman makanan, sayur-sayuran dan buah-buahan dan juga untuk ternakan. Dari pengalaman saya yang lepas, kita dapati ada orang-orang kita yang sedia dan boleh melakukan kerja seperti ini tetapi masalah besar yang mereka hadapi ialah masalah tanah. Walaupun mereka ini ingin bercucuk-tanam, tetapi oleh kerana masalah tanah, mereka terpaksa kadangkadangkang bercucuk-tanam di tanah-tanah simpanan Kerajaan dengan secara haram.

Ini adalah satu perkara yang menyedihkan dan saya sangatlah berharap bahawa para pentadbir kita di semua peringkat sedar

akan pentingnya perkara yang saya telah sebutkan tadi. Kalau tidak apa juga jenis insentif yang diberikan, kita tidak akan berjaya mencapai taraf mencukupi di dalam menghasilkan makanan utama.

Mengikut Yang Berhormat Menteri Kewangan, Hasil Belanjawan 1979 (Budget Revenue) adalah dianggarkan akan di tambah sebanyak 10 peratus kepada \$9,100 juta, sedangkan "Operating Expenditure" dianggarkan bertambah sebanyak 8.1 peratus kepada \$8,709 juta lebih dari Anggaran Belanjawan asal bagi tahun 1978.

Ini merupakan satu jumlah yang besar dan saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan di atas pelancaran "Programme and Performance Budgeting System (PPBS)" dan juga cadangannya untuk mengadakan "Management Audit".

Memandangkan jumlah di dalam Belanjawan awam yang begitu banyak, satu sistem kawalan yang efektif mestilah dihasilkan untuk mengawal wang negara.

Buat masa sekarang kita mempunyai Jawatankuasa-jawatankuasa Akaun Awam (Public Accounts Committees) di peringkat Parlimen dan juga di peringkat Negeri dan bagi pendapat saya memandangkan kepada cara pembentukan mereka dan juga "Terms of Reference" ataupun tugas yang diberikan kepada mereka, nampaknya Jawatankuasa-jawatankuasa itu tidaklah begitu berkesan.

Contohnya, Laporan Jawatankuasa Akaun Awam ke atas Jabatan Telekom untuk tahun 1971 baru sahaja dikemukakan dalam Dewan ini—iaitu selepas lebih daripada 7 tahun lamanya.

Selain dari itu kita ada mempunyai Juruodit Negara dan kakitangannya tapi saya mesti mengatakan yang ini juga tidak berkesan kerana belum sempat kerja-kerja odit selesai dijalankan, kerosakan telahpun berlaku.

Saya berkata demikian kerana saya baru sahaja membaca Laporan Juruodit Negara berkenaan dengan akaun bagi beberapa Kerajaan Negeri untuk tahun 1976 yang baru sahaja dibentangkan dalam Dewan ini dan beberapa isi yang terkandung dalam laporan itu amatlah memeranjatkan.

Nampaknya pertanyaan-pertanyaan, teguran-teguran dan perhatian Juruodit Negara itu tidak dijawab buat beberapa tahun. Ini adalah kerana barangkali Juruodit Negara tidak ada kuasa perlaksanaan. Sikap "go-to-hell-with-you" yang diamalkan oleh sebahagian dari Pentadbiran Negeri amatlah mendukacitakan dan memerlukan perhatian yang serious daripada kita.

Mengenai akaun Kerajaan Persekutuan bagi 1977 yang sepatutnya sampai ke tangan Juruodit Negara tetapi beliau melapurkannya kepada Dewan ini sehingga 1hb Ogos tahun ini, beliau belum lagi menerima akaun-akaun untuk tahun 1977.

Memandangkan perkara di atas, saya cadangkan iaitu "Management Audit" yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu hendaklah dikenakan bukan sahaja untuk agensi-agensi Kerajaan yang tertentu sepertimana yang dibayangkan oleh Yang Berhormat Menteri itu tetapi juga dikenakan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga kalau boleh sehinggakan sampai kepada Kerajaan Persekutuan kerana dengan jalan itu dapat kita mengawal lebih rapi lagi wang negara kita yang sangat memerlukan untuk pembangunan bagi negara kita.

6.02 ptg.

Puan Sharifah Dora binti Mohamed (Semerah): Tuan Yang di-Pertua, cita-cita Kerajaan kita ialah mewujudkan Malaysia gembira, yang bersatupadu dan gagah. Laporan Belanjawan 1978/1979 menjanjikan bahawa:

Pertama, keutamaan yang lebih akan diberi kepada membasmi kemiskinan.

Kedua, mengurangkan pengangguran serta meneruskan proses menyusun semula masyarakat kita.

Ketiga, menjaga keselamatan negara dan menyelenggarakan undang-undang dan ketenteraman.

Keempat, menitikberatkan pelajaran.

Kelima, mementingkan kesihatan.

Saya mengucapkan tahniah dan syabas khususnya Yang Berhormat Mulia Tengku Menteri Kewangan dan pembantu-pembantunya yang telah berjihad dan mencuba se-dayaupaya bagi membawa kemakmuran kepada negara kita Malaysia yang dicintai

ini. Allah s.w.t. telah memberi amaran di dalam Al-Quran, izinkan saya membacanya ayat itu

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang-panjang, kalau ada berikan maksudnya sahaja.

Puan Sharifah Dora binti Mohamed: (Dengan izin) "Walyakhsyallazi nalautaraku minkhالفهم, surriatan diafa, Walyakhsyal lazina lau taraku min khالفهم zuriatan dzia'afa."

Maksudnya: "Hubaya-hubaya awas dan waspada, takutlah dan bimbangkanlah kalau-kalau kamu tinggalkan di belakang kamu nanti suriat, jenerasi-jenerasi yang dhaif, lemah dan tidak berada."

Maka inilah Kerajaan kita telah berusaha menyediakan payung sebelum hujan. Sungguhpun kita tidak mendabik dada dengan Islam tetapi adalah mempraktikkan segala doctrine Islam.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia adalah negara agro-industri di mana rakyat yang kita hendak basmi kemiskinan itu adalah tinggal di luar bandar. Dalam usaha Kerajaan hendak membandarkan kampung untuk jalan biasanya tanah merah diberikan. Tanah merah yang diberikan selalunya tidak cukup dan tidak berkesampaian. Sudahlah begitu, bila tanah-tanah merah itu sampai amalan gotong-royong diteruskan maka dengan ini petani-petani itu terpaksa tidak dapat meneruskan kerja hariannya, bererti selama beberapa hari mereka tidak bekerja itu, selama itulah tidak ada pendapatannya. Dari itu saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan akan memberikan kemudahan menggunakan jentera, grader umpamanya bagi mempercepatkan siapnya jalan. Masa ini kebanyakan tanah merah dilonggokkan sahaja oleh pembekal-pembekal dan orang kampung yang tua-tua yang mana yang muda-muda sudah berhijrah ke bandar, angkat sejempit-sejempit dengan Honda. Kalau diminta pembekal meratakan bagi 1,000 lori akan ditolak sebanyak 200 lori sebagai upah meratakan. Jadi apalah gunanya jentera-jentera yang dibeli kalau tidak dapat digunakan untuk menolong orang-orang kampung ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara faktor lain yang menjadi gangguan dan penghalang besar kepada memajukan pertanian ialah

projek taliair dan perparitan. Di setengah tempat seperti di kawasan saya di Peserai, Batu Pahat didapati banyak tanaman mati dan binasa. Kopi yang anggaran boleh dipetik pada hari esok telah mati layu kerana terendam air. Keadaan ini belum mendapat perhatian walaupun empat kali pilihanraya telah berlalu. Yang menjadikan demikian ialah kerana Jabatan Parit dan Taliair tidak melakukan pembersihan yang sepatutnya dilakukan sekurang-kurangnya dua kali setahun. Taliair-taliair lama ada dibuat tetapi pintu-pintu untuk air itu keluar tidak ada.

Engineer JPT cukup hendak memberi kerjasama tetapi malangnya lain yang sakit, lain yang dibuat. Saya nampak penduduk-penduduk kampung di kawasan ini lebih matang dan lebih faham bagaimana cara-cara yang harus dilaksanakan untuk mengatasi perkara ini. Jadi saya harap pihak Ketua Kampung yang sedia ada mempunyai lesen ataupun permit itu diberikan peluang merebutkan tender bagi membersihkan parit-parit dan memperbaiki taliair yang telah lama rosak itu dengan ongkos yang berpatutan. Bukanlah seperti hari ini bayaran yang diberi hanyalah sebanyak 60 hingga 80 sen satu rantai bagi lebih kurang kerja selama dua jam.

Tuan Yang di-Pertua, kita kerap dengar pelawat-pelawat dari Papua New Guinea, Bangladesh, Vietnam, Afrika dan lain-lain datang ke negara kita dan berminat hendak belajar bagaimana cara-cara menanam kelapa sawit, getah dan lain-lainnya. Negara kita memang sudah tercatat di dalam sejarah sejak dahulu lagi sebagai pusat pengeluar rempah-rempah di mana ramai pedagang-pedagang dari negeri Arab, India, Eropah berkunjung ke mari sebagaimana yang kita tahu, East India Company telah ditubuhkan kerana berebut-rebut hendak mendapatkan bahan-bahan rempah itu. Hingga negeri Melaka itu pun, Tuan Yang di-Pertua, mengikut sejarahnya adalah berasal daripada perkataan Arab—"Laqia Yalqa Malaqa"—yang bererti tempat atau pusat pertemuan pedagang-pedagang. Dari itu, saya berpendapat tentulah negara kita sangat sesuai jika ditanam dengan bahan-bahan rempah yang sangat tinggi harganya. Umpamanya Badam berharga \$7.00 sekati; Pelaga \$16.00 sekati; Ketumbar \$2.80 sen sekati dan juga Kulit Manis yang mahal.

Komoditi ini adalah mendapat pasaran baik di pasaran antarabangsa. Dari situ saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan agar dapat pula menghantar beberapa ramai petani kita ke negara India bagi mempelajari cara-cara menanam Badam, Ketumbar, dan Pelaga; ke Indonesia bagi menanam pokok kulit manis. Bagi mempelajari menanam bahan-bahan ini supaya dapat pula ditanam di negeri kita ini bagi meninggikan pendapatan petani-petani kita dan juga hasil negara.

Menanam tembakau adalah lebih rumit dan cerewet, berat dan susah berkehendakan jagaan dan perhatian siang dan malam, alangkan berupaya petani-petani kita menanamnya dengan jaya. Saya ucapkan syabas kepada rakyat negeri Kelantan dan Trengganu di mana petani-petani dan pesawah-pesawah inilah yang menghantar beratus-ratus anak-anak mereka mengaji di Mekah dan Mesir dengan perbelanjaan sendiri tanpa menunggu dan mengharapkan mana-mana biasiswa. Jika mereka ini diberi galakan menanam bahan-bahan rempah yang disebutkan tadi, saya percaya kejayaan akan tercapai.

Seperka lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang harus kita beri perhatian ialah kepada penanaman getah taban. Agaknya pihak RRI tentulah telah membuat kajian. Saya dengar wang-wang kertas (notes) adalah menggunakan getah taban ini. Itulah sebabnya ia tidak hancur, koyak atau renyok sekalipun berpindah kepada bertaus-ratus tangan. Getah ini banyak terdapat di Nenasi iaitu di Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut lapuran yang termaktub di dalam buku Lapuran Ekonomi 1978/1979 bahawa nenas kita tidak mendapat pasaran yang baik di Amerika Syarikat kerana kurang kebersihan dan potongan cubenya tidak standard dan kita juga tahu bahawa nenas yang terdapat di Hawaii atau Honolulu adalah lebih tinggi mutunya. Dari itu saya berharap bahawa Kementerian Perdagangan akan cuba mengagihkan bahan-bahan ini ke Asia Barat. Negara ini sangat-sangat berkehendakkan bahan-bahan ini dan tidak pula banyak cerewet.

Tentang kesulitan masalah perkapalan dan pengangkutan bagaimana yang tercatat di dalam buku Lapuran itu, saya fikir tidak timbul. Kerana ada agensi besar yang mengurusnya di Singapura. Apabila hampir tiba

musim Haji pedagang-pedagang dari Saudi Arabia telah memesan berbagai-bagai bahan minuman. Dalam musim haji tahun ini tiga million tin Pepsi Cola telah dipesan. Tetapi kita tidak dapat mengadakannya. Puas saya pergi ke mana-mana faktori untuk mendapatkannya tetapi jawapannya negatif.

Yang pertama, mereka tidak ada menyediakan minuman itu di dalam tin seperti yang dikehendaki.

Yang kedua, saya dengar bahawa perusahaan minuman itu telah diambil alih oleh bumiputra dan diberi nama Syarikat Permais maka sabotaj telah dibuat, iaitu telah disebarkan berita kononnya ada terjumpa mayat manusia terjongkah dalam tangki pembancuh air Pepsi Cola ini. Hasil-hasil daripada cakapan mulut yang kotor ini orang ramai sudah merasa jijik dan takut hendak minum atau hidup secara Pepsi. Nasib baik berita ini tidak sampai ke negeri Arab. Selain daripada itu kedai-kedai yang menjual minuman sejuk pun kalau kita order Pepsi Cola, jawapannya minuman ini sudah tidak dijual lagi sekarang kerana kurang digemari. Inilah caranya yang dibuat bagi hendak membunuh perniagaan-perniagaan dan usaha-usaha bumiputra. Jadi usaha-usaha untuk menyediakan minuman dalam tin bagi tujuan eksport haruslah digalakkan, pasaran dan permintaan sentiasa ada.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang amat mendukacitakan ialah penjualan minyak makan dalam tong bekas minyak babi yang heboh baru-baru ini. Bila rakyat berbunyi jawapannya, tindakan akan diambil, penyiasatan akan dibuat, akhirnya senyap begitu sahaja, kita tidak dengar apa-apa lagi. Saya teringat masa belajar sejarah kalau tidak silap zaman Governor-General Warren Hastings memerintah India, ketika muncung senapang disapu minyak babi telah men-cetuskan kemarahan besar rakyat India sehingga berlaku pertumpahan darah. Saya berharap pihak Kerajaan akan bertindak tegas ke atas orang yang sengaja melakukan perkara ini dengan dirampas lesennya dan didenda hingga \$10,000 bukan padan dengan amaran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, beralih pula kita kepada pemasaran daging-daging kambing sejuk yang datang daripada Australia yang kita tidak yakin tentang halalannya berleluasa terjual di pasar-pasar kita. Daging adalah

bahan protin yang sangat-sangat diperlukan oleh tubuh manusia. Usaha Kementerian Pertanian membawa masuk lembu-lembu daripada Australia yang khabarnya banyak mati, tetapi dinafikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, banyak yang hidup, kemudian lembu-lembu ini pun nampaknya tidak sais dengan lembu-lembu tempatan. Pernah rombongan Kerajaan pergi ke Australia dengan wang negara katanya hendak pergi melihat penyembelihan kambing, tetapi bila mereka balik kita harap dapat mendengar berita yang sah, jawapannya kami tidak pun pergi melawat ke tempat penyembelihan, cuma makan angin sahaja. Jadi perkara ini masih meragukan rakyat. Dengan yang demikian saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan mudah-mudahan rakyat dapat menikmati harga daging yang murah, supaya dapat dibawa masuk ke Malaysia ini, juga lebih banyak kambing biri-biri untuk dipelihara di sini. Di sini ada terdapat kawasan-kawasan iklim yang sesuai, umpamanya pembiakan boleh dibuat di Pahang, Trengganu dan Kelantan kerana saya nampak di negeri-negeri ini banyak kambing biri-biri yang berkeliaran. Selain daripada daging yang mempunyai khasiat yang tinggi, bulunya pun boleh mendatangkan satu perusahaan baru bagi membuat benang bulu dan dengan bertambahnya kemewahan hidup banyak air conditioned yang dipakai, memerlukan kepada scarfs dan selendang-selendang daripada benang bulu dan rumah-rumah berkehendakkan banyak kepada permaidani-parmaidani. Menurut khabarnya kalau diminum susu kambing ini tahan muda (*Ketawa*). Dan kulitnya boleh dibuat gendang dan kompong yang terlalu laris dijual pada masa ini oleh beribu-ribu permintaan setahun. Setelah dibawa masuk, saya berharap pihak Kerajaan akan dapat membahagikannya kepada orang kampung secara berpawah atau lainnya. Harga kambing boleh didapati antara \$300-\$400 seekor berbanding dengan ayam yang cerwet memeliharanya dan harganya setakat \$7 atau \$8 sahaja seekor, lebih-lebih lagi kambing ini mudah biak kerana boleh beranak setahun dua kali.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan perhubungan dagang antarabangsa yang baik seaport dan airport wajiblah dikemaskinikan, kecekapan pengendalian kargo dan penumpang-penumpang hendaklah diberi perhatian. Pada masa ini pengendalian kargo di Pelabuhan Kelang banyak menimbulkan

kemarahan dan kehampaan terutama tentang kecehan dan juga kehilangan barang-barang. Baru-baru ini saudara saya baru pulang dari England dengan membawa tiga peti barang-barang, didapati dua peti hilang dan yang dapat balik hanya sebuah sahaja. Motokarnya sudah hampir dua bulan masih tersadai dan belum dapat dibawa keluar. Bila pergi ke sana masing-masing menganga menunggu dan meminta duit kopi tanpa segan-silu.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa kita sangat-sangatlah berhajatkan kepada Harbour Master yang benar-benar dedikasi dan berpengalaman. Kalau hendak ikutkan Pelabuhan Kelang itu telah lama wujud, tetapi belum nampak kejayaan yang memuaskan. Dari itu saya ingin mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan agar lebih banyak lagi pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja pelabuhan itu dihantar mengambil kursus di semua seksi pengurusan dan tidak payahlah hantar training jauh-jauh, meminta jasa baik Kerajaan Singapura pun cukuplah kerana negara itu rakan kita dalam ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjadi umat yang gembira rakyat adalah memerlukan rumah dan tempat tinggal yang selesa sebagaimana yang kita semua tahu, our home is our castle. Kalau pihak Kerajaan menyediakan flat untuk mereka eloklah disediakan berperingkat-peringkat, ada yang bilik satu, dua atau bilik tiga. Bila hati suka dia pasti mampu untuk membayarnya by hook or by crook. Kalau semuanya pukulrata bilik satu, ini akan menimbulkan implikasi yang kurang sihat kerana agama Islam telah berpesan hendaklah menyuruh anak-anak kamu sembahyang apakala berumur 7 tahun dan diasingkan tempat tidurnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita biasa benar dengar dengan bermacam-macam cara yang dibuat bagi hendak melumpuhkan dan membunuh perusahaan bumiputra. Di antara lain bahan yang paling banyak dapat memberikan keuntungan ialah bahan-bahan bangunan. Hatta agensi Kerajaan pun berbagai-bagai helah dan jalan mereka cari dan perbuat supaya jangan sampai maju dan berkembang. Umpamanya simen, kalau kita beli dengan pembekal luar harganya \$6.20 sekampit, tetapi beli dengan PERNAS agensi Kerajaan harganya \$6.90 sekampit. Dari itu pemborong-pemborong tinggalkan PERNAS dan

membeli dengan pembekal luar, begitu jugalah besi dan lain-lainnya. Saya juga dengar Bergerabak-gerabak habuk simen dihantar ke Singapura yang mana di sanalah simen-simen ini dimasukkan ke dalam kampil kemudian diekspot semula ke Malaysia dengan harga yang mahal.

Tuan Yang di-Pertua, kita pernah dengar rombongan Kerajaan Malaysia pergi ke Singapura untuk belajar bagaimana cara-cara membina flat, kaedah memilih lokasi-lokasi yang baik dan lain-lain lagi. Tetapi flat-flat yang dibuat di sini masih secara primitif juga. Kalau Nabi Muhammad s.a.w. suruh menuntut ilmu hingga ke negeri China dan sekarang orang China ada penuh dalam negeri kita, apalah salahnya kita belajar mana yang kita tidak tahu daripada mereka, kerana kita tahu yang kita ini tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menafikan dan menjunjung tinggi terhadap usaha yang dijalankan oleh pihak Kerajaan tentang membina rumah murah. Siang-malam, gembar-gembur dalam radio dan talivisyen: ini untuk bumiputra, itu untuk bumiputra sampai orang lain dengar pun tidak senang hati, mereka hendak cuba juga meminta rancangan FELDA umpamanya. Tetapi apabila rumah ini siap ianya mengambil masa yang terlalu lama pula untuk dibahagi-bahagikan sehingga memakan masa selama empat tahun belum juga dibahagi-bahagikan. Maka jadilah rumah-rumah kosong itu sarang khalwat sebagaimana baru-baru ini ramai yang dapat ditangkap basah di kawasan perumahan P.K.N.S, Datuk Keramat. Rumah-rumah kosong ini juga jadi sarang penagih-penagih dadah, dan rumah kosong ini juga ada kedatangan ditempatkan pendatang-pendatang haram.

Pembahagian rumah mengikut kaedah TOTO memang banyak memberi puas hati, tetapi masih banyak loopholesnya. Ada pemohon yang sudah mempunyai rumah membubuh nama isteri, nama anak, nama saudara dan lain-lainnya. Masa undi dia yang bernasib baik dapatlah, padahal pemohon yang minta rumah di Johor Bahru itu umpamanya sudahpun mempunyai rumah yang tersergam dua tingkat di Keluang. Jadi mereka ini cuba pula menjalankan investment di atas hak orang-orang miskin yang benar-benar memerlukan. Dari itu saya ingin mencadangkan kepada Kerajaan supaya pembancian kepada

mereka yang benar-benar memerlukan rumah ini haruslah dijalankan dengan disiasat berapa pendapatan, tanggungan, dan lain-lain supaya benar-benar rumah itu dapat diberikan kepada orang-orang yang berhak menerimanya dan keadilan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru menggalakkan bumiputra menceburkan diri di lapangan industri, sebagai satu pembaharuan adalah mendapat perhatian dan sambutan, tambahan pula kemudahan-kemudahan kredit boleh didapati daripada berbagai-bagai badan, yayasan-yayasan dan bank-bank, tetapi obstaclenya masih banyak, umpamanya di kawasan saya di Semarah, Batu Pahat, seorang penguasaha bumiputra sudah menggelitek hendak membuka kilang air batu dengan modal \$800,000, pinjaman daripada bank sudah diperolehi, pasaran sudah terjamin di mana MAJUIKAN sudah sanggup membeli ke semua air batu yang akan dibekalkan, kertas kerja dan urusan semuanya telah beres, tetapi masih juga slack dan belum dapat dimulakan, khabarnya menunggu lesen yang belum dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi sebuah kilang pengeluar barang-barang makanan source, kicap, barang-barang dalam tin yang hendak diusahakan oleh seorang hartawan lagi dermawan bumiputra di Johor Bahru, masa mengusahakannya sudah hampir dua tahun tetapi belum juga dapat memulakan perniagaannya. Sebelum ini beliau adalah bersyarikat dengan Yeo Hiap Seng yang sudah terkenal sebagai multi-millionaire itu dan sekarang ingin pula berdikari membuka perusahaan sendiri. Tetapi terlalu banyak red-tape dari pihak Kerajaan untuk memberikan lampu hijau. Kalau macam ini caranya sukarlah hendak mengurangkan pengangguran sebagaimana matlamat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sebagai sebuah negara membangun sangatlah perlu untuk mendapatkan persahabatan mencari pengalaman belajar melalui kesalahan, mengadakan perhubungan dengan negara-negara yang berdekatan dan berjauhan. Untuk tujuan ini missi-missi dan deligasi-deligasi selalu dihantar dan saya bersetuju benarlah kalau dibenarkan para-para Menteri itu keluar membawa isteri-isteri mereka bersama-sama dan kalau boleh *vice-versa*, isteri bawa suami, kerana Rasullullah (s.a.w.) sendiri pun setiap kali keluar operasi

sentiasa membawa isteri Baginda bersama-sama. Contohnya pada tahun enam hijrah perasaan rindu hendak pulang ke kampung meluap-luap dirasai oleh Rasullullah yang kebetulan Baginda pun dapat mimpi masuk ke Mekah. Dengan tidak berleengah-leengah lagi Baginda serta rombongan berangkat ke sana siap dengan memakai pakaian eham. Sampai di Kota Hudaibiah. Baginda telah tidak dibenar masuk oleh Qurais Mekah. Satu penyelesaian dapat dibuat di mana satu perjanjian (treaty) telah ditandatangani yang mana terkenal dengan Perjanjian Hudaibiah. Di antara lain kandungannya, Baginda tidak dibenarkan masuk Mekah pada tahun itu tetapi akan dibenarkan masuk pada tahun hadapan. Menurut pendapat Baginda ini adalah satu pertanda yang amat baik. Lain-lain kandungan perjanjian tidak payahlah agaknya saya huraikan di sini kerana ini bukan Majlis Maulud Nabi, ini cuma *gezet* sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturannya kalau kita sedang memakai pakaian eham, tiba-tiba tidak dapat masuk ke Mekah menyempurnakan haji, umpamanya kapal terbang kita kena hijack atau wabak taun lalu di quarantine maka kita tidaklah boleh pulang ke tanahair begitu sahaja bahkan mestilah tahalul lebih dahulu, iaitu dengan bercukur dan menyembelih barulah boleh balik memakai pakaian biasa. Sekonyong-konyong Rasullullah pun pulang ke khemahnya dan dilihat oleh isterinya Ummi Salmah keadaan Baginda begitu runsing seolah-olah sedang berhadapan dengan satu masalah yang berat dan besar. Ummi Salmah bertanya: "Mengapa gerangan dinda melihat kekanda bermuram durja?" Apakah yang kekanda runsingkan dan dapatkah kiranya dinda turut berkorban? Jawab Rasullullah: "Kekanda sudah perintahkan orang-orang kita bertahalul dengan bercukur dan menyembelih, tetapi tidak seorang pun mengindahkannya." Jawab Ummi Salmah: "Oh! kalau begitu eloklah kekanda dahulu yang melaksanakannya, barulah akan diikuti oleh orang lain". Maka Rasullullah pun keluar semula dan terus memanggil tukang cukur dan menyembelih. Melihat yang demikian, secara otomatis diikuti oleh kesemua orang-orangnya. Inilah, Tuan Yang di-Pertua, yang dikatakan, izinkan saya membaca dalam bahasa Arab: Lisanul kal afsah min lisanit maqal. "Tindakan atau tunjuk ajar dengan perbuatan itu lebih bertenaga atau lebih jelas daripada

tunjuk ajar dengan perkataan dan arahan." Yang istimewanya lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Apa hubungan Menteri bawa isteri bersama ini?

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Ada hubungan, hendak menguatkan hujjah. Falsafah wanita dalam menghadapi sesuatu tidak lekas panic dan hilang akal. Dari itu elok dibawa isteri bersama-sama ke mana pergi (*Ketawa*).

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, dunia dahulu dan dunia hari ini juga sampai kiamat pun agaknya tiap-tiap yang mendapat nikmat pasti akan didengki. Biasa kita dengar dalam sejarah dan akhbar ada pihak-pihak tertentu cukup dengan kaki-kakinya memasang perangkap terhadap negarawan-negarawan dan pembesar-pembesar negara, umpamanya disediakan kemewahan, disediakan wanita di mana kalau mereka tersilap langkah sahaja gambar-gambar akan diambil dan kemudian scandal sex yang berlaku itu akan didedahkan untuk menjadi satu senjata yang paling tajam dan berkesen bagi menjatuhkan imej jawatan dan kedudukan seseorang itu seperti yang telah berlaku kepada John Profumo, Menteri Pertahanan British dengan Christine Keeler dan juga Scandal Watergate di mana beberapa orang negarawan telah terlibat hingga ada yang jatuh sakit. Kita ingat Stamford Raffles sampai bunuh diri walaupun beliau begitu bertungkus-lumus menyerahkan jiwa-raganya terhadap negara tetapi tidak dapat penghargaan dan terima kasih. Kalau hari ini kita dengar suami yang teruk menghadapi tuduhan dan fitnah tetapi yang menimpa Rasullullah lebih hebat lagi di mana isteri Baginda, Siti Aishah radiallah-walanha pernah dituduh dan difitnah berlaku serong dengan Safuan ibni Muattal. Baiklah saya ceritakan sebentar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu tidak payahlah lagi (*Ketawa*).

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Syukurlah kita ke hadrat Allah (s.w.t.) bahawa kita di Malaysia ini belum ada yang kena begitu serius, mudah-mudahan Tuhan akan memelihara pembesar-pembesar negara yang rakyat percaya penuh dengan kepimpinan mereka memegang teraju

pemerintahan yang ada. Jadi kita harap biarlah mereka keluar mencari pelabur dibiayai oleh kantong negara dengan membawa isteri asalkan jangan mereka dan negara lebur.

Tuan Yang di-Pertua, thema Ucapan Belanjanan tahun ini antara lain ialah kesihatan. Hanya tubuh badan yang sihat dan akal fikiran yang rasional sahaja dapat membina negara yang baik. Berbagai-bagai usaha dan langkah diatur oleh Kerajaan bagi menjamin kesihatan rakyat. Wabak taun dapat dihapuskan, demam denggi pun sudah tidak banyak kedengaran lagi. Ini ialah kerana usaha yang bersungguh-sungguh yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan dan saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita Malaysia banyak orang yang mati kerana terlebih makan (*over-nourished*), bukan kerana tidak cukup makan. Mereka memberikan kepada tubuh mereka lebih calorie daripada apa yang diperlukan. Masa kita pergi kempen pilihanraya ke kampung-kampung dan luar-luar bandar, satu-satu rumah menghidangkan tidak kurang daripada 6 macam hingga 8 macam kueh, di bandar pun saya tidak jumpa hidangan sebanyak ini. Jadi jelas menunjukkan bahawa negara kita berada dalam kemewahan, tanda besar hati, sifat-sifat mulia di samping kesyukuran serta berpuas hati dengan pemerintahan yang ada, sebab itulah sambutan yang hangat diberikan ke mana-mana kita berkunjung.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia terutamanya setengah-setengah doktor yang telah dikurniakan scholarship pergi belajar itupun tidak sudi memberikan sumbangan moral dan sedikit pengorbanan kepada negara. Apakala cukup sahaja masa tamat perjanjian mereka terus meletakkan jawatan dan membukalah kelinik sendiri. Natiujahnya, di hospital-hospital Kerajaan kekurangan doktor. Untuk mengelakkan kelambatan menerima rawatan maka kita pun berduyunduyun pergi periksa ke private doctor. Di sini sangat jelas bahawa mereka ini adalah semata-mata mencari kekayaan melalui profession mereka. Pernah saya pergi kepada seorang doktor private ketika mengidap sakit buang-buang air dan bayaran yang dikenakan ialah sebanyak \$18.00. Kalau dia seorang doktor pencen dan ada title 'Datuk', ada pula protocol sebelum periksa haruslah consult

lebih dahulu buat appointment dan belanja consult sahaja \$15. Jadi adakah agaknya pihak Kerajaan boleh menghadkan average bayaran kepada private doctor ini yang pada masa ini meletakkan harga sesuka hati itu. Bagi orang yang berada pun terasa berat, apatah lagi kepada mereka yang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, salah sebuah daripada Kementerian yang mendapat peruntukan yang besar ialah Kementerian Pelajaran. Ini memanglah wajar kerana ilmu pengetahuan adalah kekuasaan. Kalau sains bererti tahu sesuatu bidang itu dengan terperinci dan teknologi pula tahu dengan accuracy, dengan demikian natijahnya kerja sedikit pendapatan banyak dan lumayan, tanpa ilmu pengetahuan kerja banyak pendapatan sedikit. Oleh sebab orang-orang Melayu memang tidak bijak dalam lapangan perniagaan dan perdagangan, maka kita terima kasih kepada Kerajaan yang telah cepat sedar lalu mata pelajaran commerce pun diperkenalkan di sekolah-sekolah mulai Tingkatan I. Untuk membantu mempercepatkan lagi kemajuan ini saya ingin mencadangkan banyakkann karangan-karangan, essay dan composition yang berunsur perdagangan dan perniagaan. Descriptive essays seperti "My Dream" dan khayalan-khayalan kosong itu digantikan dengan penulisan business letters, surat-menyurat perniagaan kerana pada masa kita bersekolah dahulu baru Darjah V sahaja sudah boleh faham membaca surat lawyer dan hantar surat claim insurance pun berjaya mendapatkan gantirugi tetapi murid-murid hari ini khabarnya sebagaimana yang tersiar di akhbar-akhbar sampai Darjah VI banyak lagi yang tidak tahu menulis dan yang SPM ejaannya hancur.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Tingkatan IV oleh sebab mereka tidak ada menghadapi peperiksaan besar yang mohon diadakan

lebih kelas-kelas practical bagi typewriting dan book-keeping. Saya tidak menyentuh aliran sians kerana mulai Tingkatan I mereka ini sudah mempunyai sekolah menengah khas, yang kita tinggal hendak bagi-bagikan ialah aliran perdagangan dan sastera. Sastera juga adalah ajen penting yang sangat berkesan bagi membentuk rakyat patriotic. Saya berharap semua sekolah menengah akan dapat mengadakan kegiatan literary and debating society kerana kegiatan ini banyak memberi bimbingan dan faedah kepada jenerasi-jenerasi muda bakal-bakal pemimpin yang akan datang supaya bijak mengatur dan membuat minit mesyuarat, berpidato, berbahas dan bertikam lidah dan boleh menangkis segala hujjah-hujjah secepat kilat, tidaklah banyak sangat "ha-ha", tidak ada kepetahan menyebabkan hilang kita punya kehebatan

Tuan Yang di-Pertua: "Ha-ha" itu apa? Tersangkut-sangkut? (*Ketawa*).

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Menyebabkan hilang kehebatan kita dan menjadi bahan perli sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat suka hendak sambung lagi esok?

Puan Shariffah Dorah binti Mohammed: Ya, sambung esok lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 27hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.